



Laporan Ketua Audit Negara

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI

NEGERI MELAKA

TAHUN 2010



DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI
NEGERI MELAKA
TAHUN 2010

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xiii
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Kaedah Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010	4
BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Prestasi Kewangan	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Wang Tunai	8
Pelaburan	10
Akaun Hasil Disatukan	11
Akaun Pinjaman Disatukan	18
Akaun Amanah Disatukan	19
Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	26
Akaun Memorandum	27
Rumusan Dan Syor Audit	36
BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan (RMKe-9)	41
Rumusan	43
BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	47
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri	47
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	48
Objektif Pengauditan	48
Skop Dan Kaedah Pengauditan	49
Kawalan Utama	49

PERKARA	MUKA SURAT
---------	------------

Penemuan Audit	59
Syor Audit	63
Pemeriksaan Audit Mengejut	64
Pendahuluan	64
Penemuan Audit	64
BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	69
Pengauditian Penyata Kewangan	69
Penyerahan Penyata Kewangan	69
Pengesahan Penyata Kewangan	70
Pembentangan Penyata Kewangan	71
Prestasi Kewangan	72
Rumusan Dan Syor Audit	75
BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	79
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	79
PENUTUP	83
LAMPIRAN	
I Sijil Ketua Audit Negara	87
II Lembaran Imbangan	88
III Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	89
IV Penyata Akaun Memorandum	90
V Penyata Akaun Hasil Disatukan	91
VI Nota Kepada Penyata Akaun Awam	92



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan ini dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Melaka. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pencapaian pengurusan kewangan. Jabatan memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) untuk menanda aras prestasi pengurusan kewangan jabatan/agensi secara objektif dan telus bagi mengukur dan menambah baik ke arah pengurusan kewangan yang cemerlang. AI diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyata kewangan. Dengan pelaksanaan AI ini, ia boleh membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik. Selain itu, budaya “**membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul**” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan jabatan/agensi malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2010 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2010. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2010, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.

3. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2010 mengandungi perkara berikut:


- | | |
|---------------------|---|
| Bahagian I | - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010 |
| Bahagian II | - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri |
| Bahagian III | - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri |
| Bahagian IV | - Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri |
| Bahagian V | - Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri |
| Bahagian VI | - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri |

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat.

5. Pada pendapat saya, pencapaian kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri Melaka boleh ditingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat mengamalkan 5 perkara yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a. **SUPERVISION** – Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan garis panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan oleh penjawat awam untuk menjalankan tugas mereka. Penjawat awam pula perlu melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.
- b. **INTEREST** – Setiap penjawat awam perlu melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat, dedikasi dan tidak bersikap sambil lewa.
- c. **KNOWLEDGE** – Setiap penjawat awam mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d. **ATTITUDE** – Setiap penjawat awam perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah.
- e. **PROCEDURE** – Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Melaka yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

20 Jun 2011



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

1. Pada keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada tahun 2010 adalah memuaskan. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2010 berjumlah RM99.97 juta iaitu mengalami peningkatan sederhana sejumlah RM14.28 juta (16.7%) berbanding tahun 2009. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri memperoleh surplus sejumlah RM2.87 juta. Hasil yang diperolehi pada tahun 2010 adalah berjumlah RM355.90 juta meningkat sejumlah RM58.96 juta daripada tahun 2009. Perbelanjaan mengurus meningkat sejumlah RM60.95 juta menjadi RM353.03 juta. Akaun Kena Bayar turut meningkat sejumlah RM23.35 juta menjadi RM40.41 juta. Selain itu, tunggakan hasil juga telah meningkat sejumlah RM4.29 juta menjadi RM55.77 juta dan hutang awam Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM265.54 juta menjadi RM853.07 juta. Kerajaan Negeri tidak membuat sebarang bayaran balik hutang awam kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2010. Jumlah tunggakan bayaran balik hutang awam pada tahun 2010 adalah sejumlah RM88.20 juta.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Secara keseluruhannya prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Melaka di bawah RMKe-9 adalah baik. Sejumlah RM763.50 juta atau 91.1% daripada RM837.78 juta peruntukan yang diagihkan kepada 11 Jabatan telah dibelanjakan. Sepanjang tempoh RMKe-9 daripada 460 projek yang dirancang, sebanyak 369 (80.2%) projek telah siap sepenuhnya, 54 (11.7%) projek sedang dilaksanakan manakala 37 (8.1%) projek lagi masih belum dimulakan atau ditangguhkan.

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Pada tahun 2010, pengurusan kewangan berasaskan Indeks Akauntabiliti telah dijalankan di 14 buah Jabatan/Agensi Negeri terdiri dari 7 Jabatan Negeri, 5 Agensi Negeri dan 2 Pihak Berkuasa Tempatan. Prestasi pengurusan kewangan bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka adalah pada tahap sangat baik, manakala 10 Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap baik, satu Jabatan pada tahap memuaskan dan satu Agensi pada tahap tidak memuaskan.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

5. Sehingga 31 Mei 2011, prestasi penyerahan penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri Melaka adalah baik di mana 13 daripada 16 Agensi telah menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2010 masing-masing untuk diaudit di mana satu Agensi telah dikeluarkan Sijil Tanpa Teguran. Kesemua 15 Penyata Kewangan tahun 2009 telah dikeluarkan Sijil Audit di mana 3 Sijil Berteguran telah dikeluarkan berbanding 12 Sijil Tanpa Teguran. Sebanyak 6 Penyata Kewangan bagi 3 Agensi berserta Sijil Ketua Audit Negara masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

6. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2009 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 1 November 2010. Sepanjang tahun 2010 sehingga 30 April 2011, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat sebanyak 10 kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Tahun 2008 dan 2009. Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri juga telah menghadiri satu persidangan di Perth, Australia bertujuan memberi pendedahan terhadap isu-isu Audit di peringkat Komanwel.



**BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN
NEGERI MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2010**

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 kepada Jabatan Audit Negara pada **28 Mac 2011**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2010 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Akaun Awam.

1.3. Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan terimaan dan bayaran bagi tahun 2010. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Bayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.5. Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Tuntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Awam iaitu hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

2. OBJEKTIF DAN KADEAH PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2010. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan Jabatan Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri dan Jabatan-jabatan Negeri melalui pemerhatian audit sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun 2010 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum, Penyata Akaun Hasil Disatukan dan Nota Kepada Penyata Akaun Awam adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VI**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. PRESTASI KEWANGAN

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2010, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Melaka. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan Negeri. Analisis yang dibuat adalah berdasarkan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata Akaun Memorandum Aset, Penyata Akaun Memorandum Liabiliti dan Nota Kepada Penyata Akaun Awam.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4.1.1. Mengikut Lembaran Imbangan, Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM99.97 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM53.79 juta dan pelaburan sejumlah RM46.18 juta. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	0.30	3.17	2.87	956.7
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	85.39	96.80	11.41	13.4
	<i>i) Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(125.61)	(199.90)	(74.29)	59.1
	<i>ii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	163.97	237.13	73.16	44.6
	<i>iii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	20.22	33.04	12.82	63.4
	<i>iv) Akaun Wang Deposit</i>	26.81	26.53	(0.28)	(1.0)
Jumlah		85.69	99.97	14.28	16.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.1.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**.

Jadual 4.2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Butiran	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	20.61	20.84	(4.56)	0.30	3.17
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.17	0.17	30.61	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	187.43	245.67	55.76	85.39	96.80
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	(77.83)	(74.59)	(143.56)	(125.61)	(199.90)
	ii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	236.91	276.65	158.98	163.97	237.13
	iii) Kumpulan Wang Amanah Awam	7.26	26.25	20.55	20.22	33.04
	iv) Akaun Wang Deposit	21.09	17.36	19.79	26.81	26.53
	Jumlah	208.21	266.68	81.81	85.69	99.97

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 4.1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.1.3. Analisis Audit mendapati kedudukan Kumpulan Wang Disatukan meningkat kepada RM99.97 juta berbanding sejumlah RM85.69 juta pada tahun 2009. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2010 menunjukkan peningkatan iaitu dari RM0.30 juta pada tahun 2009 kepada RM3.17 juta pada tahun 2010.

4.2. WANG TUNAI

4.2.1. Wang tunai dinyatakan dalam 3 jenis iaitu Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah baki

wang tunai di dalam akaun semasa dan baki deposit di bank (Simpanan Tetap kurang 3 bulan). Manakala Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas yang diberi kepada pemegang panjar untuk pendahuluan perbelanjaan. Kedudukan baki wang tunai pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Baki Wang Tunai Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	32.59	53.30	20.71	63.5
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.10	0.03	(0.07)	(70.0)
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.01	0.46	0.45	4,500.0
Jumlah		32.70	53.79	21.09	64.5


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.2.2. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2010 dan 2009 menunjukkan peningkatan sejumlah RM21.09 juta atau 64.5% menjadi RM53.79 juta pada tahun 2010 berbanding RM32.70 juta pada tahun 2009. Antara punca peningkatan ini adalah disebabkan oleh Akaun Panjar Khas bagi Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana berjumlah RM0.46 juta yang telah diluluskan pada tahun 2010.

4.2.3. Termasuk dalam Wang Tunai Dalam Bank adalah simpanan tetap Kerajaan Negeri yang juga telah mencatat peningkatan daripada RM4.61 juta pada tahun 2009 kepada RM16.39 juta pada tahun 2010. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan simpanan tetap yang dibuat hasil daripada penjualan saham Malaysia Airport Berhad sejumlah RM11.78 juta. Sungguhpun terdapat peningkatan pada tahun 2010, pihak Audit mendapati kedudukan wang tunai tidak dapat menampung Akaun Kena Bayar dan Deposit yang berjumlah RM66.94 juta.

4.2.4. Analisis Audit terhadap kedudukan wang tunai bagi tempoh 5 tahun menunjukkan terdapat peningkatan pada tahun 2007 dan 2010. Kedudukan Baki Wang Tunai pada tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Carta 4.2**.

Carta 4.2
Kedudukan Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.3. PELABURAN

4.3.1. Seksyen 8 Akta Tatacara Kewangan, 1957 menyatakan Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan yang dinyatakan di Lembaran Imbangan adalah pelaburan daripada Kumpulan Wang Amanah di bawah 3 Kumpulan Wang iaitu Tabung Amanah Melaka, Kumpulan Wang Amanah Zoo Melaka dan Kumpulan Wang Masjid Negeri. Jenis pelaburan yang telah dibuat adalah dalam bentuk simpanan tetap kecuali bagi Tabung Amanah Melaka yang turut membuat pelaburan saham dan syer syarikat berkaitan Kerajaan serta portfolio Pengurus Dana.

4.3.2. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2010 dan 2009 menunjukkan penurunan sejumlah RM6.81 juta (12.8%) kepada RM46.18 juta pada 2010 berbanding RM52.99 juta pada tahun 2009. Penurunan jumlah pelaburan pada tahun 2010 adalah disebabkan penjualan saham Malaysia Airport Berhad di bawah Tabung Amanah Melaka. Kedudukan pelaburan bagi tahun 2010 berbanding tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4.4**. dan trend pelaburan bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Carta 4.3**.

Jadual 4.4
Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Saham dan Syer	45.48	38.67	(6.81)	(15.0)
2.	Simpanan Tetap	2.51	2.51	0.00	0.0
3.	Portfolio Pengurus Dana	5.00	5.00	0.00	0.0
	Jumlah	52.99	46.18	(6.81)	(12.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 4.3
**Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi
Tahun 2006 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan menunjukkan jumlah hasil yang diterima dengan jumlah perbelanjaan mengurus bagi sesuatu tahun kewangan. Akaun Hasil Disatukan mengandungi 3 kategori hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Berdasarkan Penyata Akaun Hasil Disatukan Tahun 2010, Kerajaan Negeri mempunyai baki sejumlah RM3.17 juta pada 31 Disember 2010 berbanding RM0.30 juta pada tahun 2009. Kedudukan baki surplus ini berpunca daripada hasil Kerajaan Negeri yang diperolehi berjumlah RM355.90 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM353.03 juta. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2010 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Kedudukan Akaun Hasil Disatukan Pada 31 Disember 2010

Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2009	2010	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(4.56)	0.30	4.86	106.6
HASIL				
Hasil Cukai	79.24	76.61	(2.63)	(3.3)
Hasil Bukan Cukai	119.90	162.63	42.73	35.6
Terimaan Bukan Hasil	97.80	116.66	18.86	19.3
Jumlah Hasil	296.94	355.90	58.96	19.9
PERBELANJAAN				
Emolumen	70.49	75.29	4.80	6.8
Perkhidmatan Dan Bekalan	91.41	101.74	10.33	11.3
Aset	3.83	3.07	(0.76)	(19.8)
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	120.91	169.11	48.20	39.9
Perbelanjaan Lain	5.44	3.82	(1.62)	(29.8)
Jumlah Perbelanjaan	292.08	353.03	60.95	20.9
Surplus	4.86	2.87	1.99	(40.9)
Baki Pada 31 Disember	0.30	3.17	2.87	956.7

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.4.1. Hasil

4.4.1.1. Kutipan Hasil Tahun 2010 Berbanding 2009

Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2010 berjumlah RM355.90 juta iaitu meningkat sederhana sejumrah RM58.96 juta atau 19.8% berbanding tahun 2009 berjumlah RM296.94 juta. Jumlah hasil mengikut 3 kategori adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Kutipan Hasil Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Kategori Hasil	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	79.24	76.61	(2.63)	(3.3)
2.	Hasil Bukan Cukai	119.90	162.63	42.73	35.6
3.	Terimaan Bukan Hasil	97.80	116.66	18.86	19.3
	Jumlah	296.94	355.90	58.96	19.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

- Pada tahun 2010 sebanyak 3 butiran hasil mengalami peningkatan ketara berjumlah RM64.50 juta di antara 46% hingga 139% berbanding tahun 2009 seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Peningkatan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Peningkatan		Punca Peningkatan
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Perolehan Dari Jualan Barang-barang	37.56	90.03	52.47	139.7	Jualan Harta Benda Kerajaan dan Premium Tanah.
2.	Pulangan Balik Perbelanjaan	8.52	19.24	10.72	125.8	Peningkatan Terimaan Balik Bayaran-bayaran Tahun lalu.
3.	Duti Eksais Terhadap Barang Import	2.83	4.14	1.31	46.3	Peningkatan Dalam Cukai Hiburan.
Jumlah		48.91	113.41	64.50	131.9	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

- b. Butiran hasil yang mencatatkan penurunan ketara adalah seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Penurunan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Penurunan		Punca Penurunan
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Royalti	2.42	0.47	1.95	80.6	Tiada terimaan royalti air daripada SAMB pada tahun 2010.
2.	Denda Dan Hukuman	9.28	3.60	5.68	61.2	Penurunan hasil notis dan denda lewat bayaran cukai tanah, denda dan rampasan mahkamah syariah dan pelbagai bayaran hukuman.
3.	Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	10.00	7.41	2.59	25.9	Tiada dividen daripada SAMB pada tahun 2010 dan pengurangan faedah daripada simpanan tetap.
Jumlah		21.70	11.48	10.22	47.10	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.4.1.2. Prestasi Kutipan Hasil Bagi Tahun 2006 Hingga 2010


Analisis perbandingan kutipan hasil bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 menunjukkan peningkatan kutipan hasil pada setiap tahun kecuali pada tahun 2009. Prestasi kutipan hasil negeri bagi tempoh 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.9** dan **Carta 4.4**. Kutipan hasil bagi tahun 2010 adalah tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.9
Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Kategori	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	67.13	68.34	70.50	79.24	76.61
2.	Hasil Bukan Cukai	103.78	138.24	132.92	119.90	162.63
3.	Terimaan Bukan Hasil	84.51	115.04	125.47	97.80	116.66
Jumlah		255.42	321.62	328.89	296.94	355.90

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 4.4
Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.4.1.3. Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri

Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2006 hingga 2010, Terimaan Dari Agensi Kerajaan adalah merupakan penyumbang terbesar dengan kutipan berjumlah RM463.82 juta. Ini diikuti oleh hasil dari Cukai Tanah berjumlah RM340.50 juta dan Perolehan Dari Jualan Barang-barang berjumlah RM306.52 juta. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Terimaan Dari Agensi Kerajaan	75.15	102.22	99.75	89.28	97.42
2.	Cukai Tanah	62.96	66.21	66.27	73.49	71.57
3.	Perolehan Dari Jualan Barang-barang	74.60	66.30	38.04	37.55	90.03
4.	Sewaan	6.86	38.58	52.67	42.46	40.22
5.	Pulangan Balik Perbelanjaan	9.36	12.82	25.72	8.52	19.24
Jumlah		228.93	286.13	282.45	251.30	318.48

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.4.2. Perbelanjaan Mengurus

4.4.2.1. Perbelanjaan Mengurus Tahun 2010 Berbanding 2009

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Perbelanjaan Kerajaan Negeri secara keseluruhannya meningkat sejumlah RM60.95 juta (20.9%) daripada RM292.08 juta pada tahun 2009 kepada RM353.03 juta pada tahun 2010. Punca peningkatan perbelanjaan ini sebahagian besarnya adalah disebabkan peningkatan terhadap butiran Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap dari RM120.91 juta pada tahun 2009 kepada RM169.11 juta pada tahun 2010, peningkatan sejumlah RM48.20 juta (39.9%). Pecahan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.11**.

Jadual 4.11
Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	70.49	75.29	4.80	6.8
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	91.41	101.74	10.33	11.3
3.	Aset	3.83	3.07	(0.76)	(19.8)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	120.91	169.11	48.20	39.9
5.	Perbelanjaan Lain	5.44	3.82	(1.62)	(29.8)
Jumlah		292.08	353.03	60.95	20.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.4.2.2. Prestasi Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

- Tiga butiran perbelanjaan yang meningkat dengan ketara bagi tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.12**.

Jadual 4.12
Peningkatan Ketara Perbelanjaan Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil	Butiran	Tahun		Peningkatan		Punca Peningkatan
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Dalam Negeri	113.54	160.88	47.34	41.7	Pertambahan pemberian kepada Kumpulan Wang Berkanun.
2.	Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli	46.53	53.95	7.42	15.9	Pembayaran gaji pegawai kontrak.
3.	Gaji dan Upah	44.18	46.51	2.33	5.3	Kenaikan gaji tahunan dan Bantuan Khas Kewangan.
Jumlah		204.25	261.34	57.09	27.9	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

- Dua butiran perbelanjaan yang menurun dengan ketara bagi tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.13**.

Jadual 4.13
Penurunan Ketara Perbelanjaan Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran	Tahun		Penurunan		Punca Penurunan
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pulangan Balik dan Hapuskira	5.05	3.49	1.56	30.9	Pengurangan pulangan balik dan hapuskira.
2.	Pencen	2.72	0.22	2.50	91.9	Tiada pembayaran tambahan dibuat pada tahun 2010 kepada Ahli Pentadbiran berikutan pindaan terhadap Enakmen.
Jumlah		7.77	3.71	4.06	52.3	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka


- c. Analisis Audit mendapati trend Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2006 hingga 2010 menunjukkan peningkatan setiap tahun kecuali pada tahun 2009. Bagi tempoh 5 tahun, perbelanjaan Kerajaan Negeri yang tertinggi ialah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah RM769.68 juta. Ini diikuti oleh perbelanjaan bagi Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM453.14 juta. Analisis terhadap Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.14** dan **Carta 4.5**.

Jadual 4.14
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Emolumen	48.95	53.51	68.72	70.49	75.29
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	81.30	87.38	91.31	91.41	101.74
3.	Aset	6.69	4.52	3.90	3.83	3.07
4.	Pemberian Dan Kenaan Tetap	116.62	174.13	188.91	120.91	169.11
5.	Perbelanjaan Lain	1.69	1.84	1.45	5.44	3.82
Jumlah		255.25	321.38	354.29	292.08	353.03

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 4.5
Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.4.3 Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan


Analisis perbandingan hasil dan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2006 sehingga 2010 mendapati Kerajaan Negeri mengalami penurunan lebihan pendapatan dari RM4.86 juta pada tahun 2009 ke RM2.87 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun kedudukan ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya iaitu hanya RM0.24 juta pada tahun 2007 dan defisit RM25.40 juta pada tahun 2008 seperti di **Jadual 4.15** dan **Carta 4.6**.

Jadual 4.15
Prestasi Hasil Berbanding Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Butiran	Tahun				
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Hasil	255.42	321.62	328.89	296.94	355.90
Perbelanjaan Mengurus	255.25	321.38	354.29	292.08	353.03
Surplus/(Defisit)	0.17	0.24	(25.40)	4.86	2.87

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 4.6
Perbandingan Hasil Dan Perbelanjaan Bagi Tempoh 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pindahan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan.

4.5.1. Pada tahun 2010, Akaun Pinjaman Disatukan menunjukkan terimaan berjumlah RM102.05 juta. Terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan ini adalah bagi membiayai Projek Sukan Malaysia (RM30.62 juta), Projek Naiktaraf Lapangan Terbang Batu Berendam (RM12.70 juta), Projek Bekalan Air (RM39.73 juta) dan Projek Pembinaan Tapak Kompleks Imigresen dan Kuarantin (RM19 juta).

4.5.2. Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar pada akhir tahun 2010 disebabkan kesemua pinjaman yang diterima telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.16**.

Jadual 4.16
Akaun Pinjaman Disatukan Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Perkara	Tahun		Penurunan	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	30.61	0.00	30.61	100.0
Terimaan	150.52	102.05	48.47	32.2
Bayaran	181.13	102.05	79.08	43.7
Baki Pada 31 Disember	0.00	0.00	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7 (c) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan terbahagi kepada 3 Kumpulan Wang iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan wang amanah dan digunakan mengikut terma-terma amanah tersebut. Akaun Amanah Disatukan telah meningkat sejumlah RM11.41 juta iaitu dari RM85.39 juta pada tahun 2009 kepada RM96.80 juta pada tahun 2010. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4.17**.

Jadual 4.17

Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Disatukan Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Perihal	Baki Pada Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	38.36	37.23	(1.13)	(2.9)
Kumpulan Wang Amanah Awam	20.22	33.04	12.82	63.4
Akaun Wang Deposit	26.81	26.53	(0.28)	(1.0)
Jumlah	85.39	96.80	11.41	13.4

Sumber : Penyata Kewangan Negeri Melaka

4.6.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri dari Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

4.6.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 70), dan diakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini adalah daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, penerimaan daripada Kerajaan Persekutuan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kumpulan Wang Pembangunan ini hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan dalam Akta tersebut. Semakan Audit terhadap perbelanjaan kumpulan wang ini mendapat:

- a. Pada tahun 2010, penerimaan Kumpulan Wang ini adalah berjumlah RM122.62 juta manakala perbelanjaan adalah berjumlah RM196.91 juta. Kedudukan semasa Kumpulan Wang ini menunjukkan defisit sejumlah RM74.29 juta, baki terkumpul Kumpulan Wang ini pada 31 Disember 2010 berada dalam kedudukan defisit sejumlah RM199.90 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.18**.

Jadual 4.18
Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan
Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(143.56)	(125.61)	(17.95)	(12.5)
Penerimaan	207.00	122.62	(84.38)	(40.8)
Perbelanjaan	189.05	196.91	7.86	4.2
Surplus/(Defisit)	17.95	(74.29)	(56.34)	(313.8)
Baki Pada 31 Disember	(125.61)	(199.90)	(74.29)	59.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

- b. Pada tahun 2010 sejumlah RM218.56 juta telah diperuntukkan bagi Perbelanjaan Pembangunan yang merangkumi 11 Jabatan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM196.91 juta atau 90.1% telah dibelanjakan. Secara keseluruhannya pada tahun 2010, sebanyak 10 daripada 11 Jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan antara 90% hingga 100%, manakala satu Jabatan mencapai prestasi 78.1% daripada peruntukan yang diluluskan. Kedudukan peruntukan dan prestasi perbelanjaan pembangunan bagi semua Jabatan adalah seperti **Jadual 4.19**.

Jadual 4.19
Perbelanjaan Projek Pembangunan Pada Tahun 2010

Bil.	Jabatan	Peruntukan	Perbelanjaan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	24.31	24.28	99.9
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	6.00	6.00	100.0
3.	Jabatan Pertanian	3.00	3.00	100.0
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1.60	1.60	100.0
5.	Jabatan Ketua Menteri	51.69	40.33	78.1
6.	Jabatan Pembangunan Negeri	7.00	6.84	97.7
7.	Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	108.46	99.00	91.3
8.	Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah	3.00	3.00	100.0
9.	Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	3.25	3.25	100.0
10.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	2.20	2.20	100.0
11.	Jabatan Agama Islam Melaka	8.05	7.41	92.2
Jumlah		218.56	196.91	90.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.6.1.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka, Pelbagai Kumpulan Wang dan Akaun Amanah Kerajaan. Kumpulan Wang Luar Jangka, Pelbagai Kumpulan Wang dan Akaun Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan Undangan Negeri. Wang dalam Kumpulan Wang ini hanya boleh digunakan bagi maksud ianya ditubuhkan. Pada akhir tahun 2010, baki Kumpulan Wang ini meningkat dengan ketara sejumlah RM73.16 juta atau 44.6% menjadi RM237.13 juta berbanding RM163.97 juta pada tahun 2009.

Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.20**.

Jadual 4.20
Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan
Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Perihal	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Amanah Kerajaan	110.86	155.52	44.66	40.3
2.	Pelbagai Kumpulan Wang	25.06	48.41	23.35	93.2
3.	Akaun Pinjaman	13.85	18.64	4.79	34.6
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	11.02	11.02	0.00	-
5.	Akaun Penyelesaian	2.97	3.33	0.36	12.1
6.	Akaun Perniagaan	0.21	0.21	0.00	-
Baki Pada 31 Disember		163.97	237.13	73.16	44.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

a. Akaun Pinjaman

i. Tuggakan Pendahuluan Diri Pegawai Awam

Tuggakan Pendahuluan Diri Pegawai Awam bagi tahun 2010 adalah berjumlah RM109,613 berbanding RM48,450 pada tahun 2009. Dari jumlah tersebut, sejumlah RM107,801 adalah pendahuluan diri yang tidak dapat dikenal pasti kerana tiada daftar lengkap disediakan yang menyebabkan kesukaran untuk mengesahkan pegawai yang masih belum menjelaskan pendahuluan diri.

ii. Tuggakan Pendahuluan Pelbagai

Tuggakan Pendahuluan Pelbagai yang berjumlah RM287,609 meningkat sejumlah RM39,308 atau 15.8% berbanding RM248,301 pada tahun 2009. Mengikut penyata baki individu yang dikemukakan oleh Jabatan Kewangan dan Perpendaharaan Negeri, tuggakan Pendahuluan Pelbagai berjumlah RM299,016 menunjukkan perbezaan sejumlah RM11,407 berbanding dengan baki yang dinyatakan di Penyata Kewangan.

b. Kumpulan Wang Luar Jangka

Menurut Akta Tatacara Kewangan 1957, Seksyen 11, selaras dengan Artikel 103 Perlembagaan Persekutuan, Kumpulan Wang Luar Jangka hendaklah digunakan oleh Menteri yang bertanggungjawab untuk membuat pendahuluan bagi keperluan perbelanjaan segera dan luar jangka dan mendapati tiada apa-apa peruntukan lain bagi perbelanjaan tersebut. Pada tahun 2010, baki Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM11.02 juta tidak menunjukkan sebarang peningkatan dari tahun 2009. Bagaimanapun, perbelanjaan bagi Kumpulan Wang Luar Jangka telah meningkat menjadi RM33.39 juta berbanding RM21.59 juta pada tahun 2009. Punca peningkatan antaranya disebabkan oleh perbelanjaan pembangunan di bawah Jabatan Kerja Raya yang berjumlah RM10.87 juta. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 4.21**.

Jadual 4.21
Kedudukan Kumpulan Wang Luar Jangka
Bagi Tahun 2009 Hingga Tahun 2010

Perkara	Tahun	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	11.02	11.02
Penerimaan	21.60	33.39
Perbelanjaan	21.60	33.39
Baki Pada 31 Disember	11.02	11.02

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

c. Akaun Amanah Kerajaan

i. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan

Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan ditubuhkan bertujuan untuk menerima wang daripada sumber pemberian Kerajaan Persekutuan untuk digunakan bagi membiayai semua kos yang berkaitan aktiviti penyelenggara jalan yang diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya, Melaka dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Pada tahun 2010, baki Kumpulan Wang Amanah ini meningkat kepada RM17.09 juta pada tahun 2010 berbanding RM1,453 pada tahun 2009. Peningkatan Kumpulan Wang Amanah ini disebabkan oleh terimaan daripada pemberian penyelenggaraan jalan raya berjumlah RM47.33 juta. Kedudukan baki Kumpulan Wang Amanah ini bagi tahun 2006 sehingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.22 dan Carta 4.6**.

Jadual 4.22
Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan
Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Butiran	Tahun				
	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Baki Pada 1 Jan	0	4,021,060	11,402,143	500	1,453
Penerimaan	34,121,693	45,290,169	57,158,441	32,229,113	98,583,911
Perbelanjaan	30,100,633	37,909,086	68,560,084	32,228,160	81,486,278
Baki Pada 31 Disember	4,021,060	11,402,143	500	1,453	17,099,086

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

ii. Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Negeri Melaka – Baitulmal/Asnaf

Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Negeri Melaka - Baitulmal/Asnaf adalah bertujuan untuk memberi bantuan, pinjaman atau biasiswa pendidikan serta perbelanjaan lain yang berkaitan. Baki Kumpulan Wang Amanah ini meningkat kepada RM1.67 juta pada tahun 2010 berbanding RM10,719 pada tahun 2009. Peningkatan baki kumpulan wang ini disebabkan peningkatan terimaan bayaran balik pinjaman pelajaran dan biasiswa.

iii. Kumpulan Wang Amanah Rancangan Kelas Pengajian Al Quran dan Fardu Ain (KAFA)

Kumpulan Wang Amanah Rancangan Kelas Pengajian Al Quran dan Fardu Ain (KAFA) ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan Rancangan Kelas Islam, Pengajian Al Quran dan Fardu Ain di negeri Melaka. Pada akhir tahun 2010, baki Kumpulan Wang Amanah ini meningkat sejumlah RM0.46 juta berbanding RM7,905 pada tahun 2009. Peningkatan ketara adalah disebabkan penerimaan daripada tambahan peruntukan elau KAFA dan pelbagai bayaran balik gaji dan elau KAFA.

iv. Kumpulan Wang Amanah SUKMA

Kumpulan Wang Amanah SUKMA ditubuhkan bertujuan untuk menjayakan pengelolaan sukan Malaysia (SUKMA) yang ke XIII pada tahun 2010 di Melaka. Pada akhir tahun 2010, baki Kumpulan Wang Amanah ini meningkat kepada RM6.07 juta berbanding RM0.13 juta pada tahun 2009. Peningkatan kumpulan wang ini disebabkan oleh sumbangan dari pelbagai Agensi Kerajaan dan Syarikat Swasta.

v. Kumpulan Wang Amanah Perbadanan Ketua Menteri (CMI)

Kumpulan Wang Amanah Perbadanan Ketua Menteri (CMI) ditubuhkan bertujuan untuk menerima segala terimaan daripada jualan harta benda Perbadanan Ketua Menteri (CMI) , deposit serta sewaan bangunan dan tanah hak milik CMI serta lain-lain terimaan dan menggunakan wang tersebut untuk pengurusan pentadbiran CMI, kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan harta CMI serta bayaran modal bagi penubuhan anak syarikat di bawah CMI. Kumpulan Wang Amanah ini meningkat sejumlah RM7.93 juta kepada RM8.79 juta pada tahun 2010 berbanding RM0.86 juta pada tahun 2009. Peningkatan baki kumpulan wang ini antaranya disebabkan penerimaan daripada jualan harta benda hak milik CMI.

vi. Akaun Kena Bayar


Akaun Kena Bayar (AKB) diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri kepada pembekal barang dan perkhidmatan yang diterima oleh Kerajaan sehingga 31 Disember sesuatu tahun dan bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. AKB juga telah meningkat dengan mendadak sejumlah RM23.35 juta atau 136.9% kepada RM40.41 juta pada tahun 2010 berbanding RM17.06 juta tahun 2009. Perbelanjaan ini melibatkan 20 Jabatan manakala perbelanjaan yang ketara adalah bayaran Perkhidmatan dan Ikhtisas berjumlah RM7.88 juta. Punca utama peningkatan AKB adalah kelewatan baucar diluluskan oleh Pejabat Pembayar. Peningkatan ketara Akaun Kena Bayar bagi 6 Jabatan pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.23** dan trend AKB bagi 5 tahun adalah seperti di **Carta 4.7**.

Jadual 4.23
Peningkatan Ketara Akaun Kena Bayar Bagi Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Jabatan	Tahun		Peningkatan	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Ketua Menteri	5.63	14.83	9.20	163.4
2.	Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	3.07	5.88	2.81	91.5
3.	Jabatan Kerja Raya	0.67	3.40	2.73	407.5
4.	Jabatan Pertanian	0.76	2.29	1.53	201.3
5.	Jabatan Agama Islam Melaka	3.44	4.94	1.50	43.6
6.	Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	0.54	2.04	1.50	277.8
Jumlah		14.11	33.38	19.27	136.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 4.7
Trend Akaun Kena Bayar Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan, 1957. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001 juga adalah berkaitan. Akaun ini bertujuan untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada mana-mana badan atau orang perseorangan yang diamanahkan kepada Kerajaan dan amanah khas yang diperuntukkan di bawah satu akta khas. Pengurusan akaun juga tertakluk kepada Arahan Amanah atau Surat Ikatan Amanah. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada 19 Akaun Amanah. Kumpulan Wang Amanah ini meningkat sejumlah RM12.82 juta kepada RM33.04 juta berbanding RM20.22 juta pada tahun 2009.

4.6.2.1. Akaun Amanah Am Negeri Melaka

Akaun Amanah Am Negeri Melaka telah ditubuhkan pada bulan Januari 2004 di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 dengan tujuan menerima sumbangan bagi

sesuatu maksud yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Sumber terimaan Akaun Amanah ini adalah sumbangan daripada agensi dan syarikat subsidiari Kerajaan Negeri, pihak swasta dan orang perseorangan. Baki akhir tahun 2010 berjumlah RM9.06 juta meningkat sejumlah RM8.9 juta berbanding tahun 2009 berjumlah RM0.16 juta. Peningkatan Akaun Amanah ini disebabkan oleh terimaan pendahuluan bagi Lawatan Kerja Luar Negara, perbelanjaan Majlis Pengisytiharan Melaka Maju Tahun 2010 dan Majlis Pelancaran Program 1 Malaysia.

4.6.2.2. Akaun Amanah Tabung Kemanusiaan Palestin

Akaun Amanah Tabung Kemanusiaan Palestin telah ditubuhkan pada Januari 2009 di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 dengan tujuan menerima segala wang bayaran masuk dari sumbangan Jabatan/Agenzi Kerajaan dan orang awam untuk disalurkan kepada rakyat Palestin. Baki akaun ini pada akhir tahun 2010 berjumlah RM680,747 dan tiada urus niaga terimaan dan bayaran berlaku pada tahun 2010. Bagaimanapun sehingga April 2011, wang kutipan yang berjumlah RM680,747 masih belum disalurkan kepada pihak yang sepatutnya menerima.

4.6.2.3. Akaun Amanah Berasaskan Kayu

Akaun Amanah Berasaskan Kayu telah ditubuhkan pada Julai 2008 di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 dengan tujuan menerima wang daripada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) bagi projek penanaman pokok spesies hutan dan melaksanakan projek-projek pembangunan berasaskan kayu. Baki akaun ini pada akhir tahun 2010 berjumlah RM2.27 juta telah menurun sejumlah RM0.71 juta berbanding RM2.98 juta bagi tahun 2009. Antara projek yang dilaksanakan adalah penanaman pokok kayu karas dan anak pokok di Taman Botanikal, perbekalan mesin-mesin pertukangan kayu dan perabot serta membina pusat promosi perabot.

4.6.3. Akaun Wang Deposit


Deposit merupakan wang yang diterima oleh Jabatan bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan apabila selesai maksudnya. Kerajaan Negeri memegang 17 jenis deposit yang diselenggarakan oleh 14 Jabatan berjumlah RM26.53 juta. Sehingga 31 Mei 2011, senarai baki individu bagi 5 Akaun Wang Deposit yang melibatkan 3 Jabatan masih belum dikemukakan untuk tujuan pengauditan. Baki dalam Akaun Wang Deposit menurun sejumlah RM0.28 juta kepada RM26.53 juta pada akhir tahun 2010 berbanding RM26.81 juta pada tahun 2009 seperti di **Jadual 4.24 dan Carta 4.8**.

Jadual 4.24
Kedudukan Baki Dalam Akaun Wang Deposit Bagi Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Deposit	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am Jabatan Negeri	3.15	3.30	0.15	4.8
2.	Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	18.72	18.75	0.03	0.2
3.	Lain-lain Deposit	4.94	4.48	(0.46)	(9.3)
Baki Pada 31 Disember		26.81	26.53	(0.28)	(1.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 4.8
Baki Akaun Deposit Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.7. PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

4.7.1. Semua penerimaan dan pembayaran wang tunai ditunjukkan dalam Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai. Penerimaan wang tunai terdiri daripada penerimaan hasil, pinjaman, terimaan modal dan lain-lain terimaan. Bayaran wang tunai terdiri daripada perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman. Pada 31 Disember 2010, baki wang tunai berjumlah RM53.79 juta meningkat sejumrah RM21.09 juta berbanding RM32.70 juta pada tahun 2009. Kedudukan penerimaan wang tunai dari segi hasil, pinjaman, terimaan modal dan lain-lain terimaan pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.25**.

Jadual 4.25
Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Terimaan	669.44	576.22	(93.23)	(13.9)
	Hasil	296.94	355.90	58.96	19.9
	Pinjaman	150.52	102.05	(48.47)	(32.2)
	Terimaan Modal	207.00	32.56	(174.44)	(84.3)
	Lain-lain Terimaan	14.98	85.70	70.72	472.1
2.	Bayaran	667.26	555.12	(112.14)	(16.8)
	Mengurus	292.08	350.61	58.53	20.0
	Pembangunan	189.05	196.91	7.86	4.2
	Perbelanjaan Modal	5.00	0.00	(5.00)	(100.0)
	Bayaran Pinjaman	181.13	7.60	(173.53)	(95.8)
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai Tahun 2010		2.18	21.09	18.91	867.4
Wang Tunai pada 31 Disember 2009		30.52	32.70	2.18	7.1
Wang Tunai pada 31 Disember 2010		32.70	53.79	21.09	64.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Nota: Amaun Terimaan Dan Bayaran bagi tahun 2009 berbeza dengan amaun di Penyata Kewangan tahun 2009 kerana Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mengeluarkan format baru mulai tahun 2010.

4.7.2. Analisis Audit menunjukkan pada tahun 2010, jumlah wang tunai yang diterima oleh Kerajaan Negeri adalah bertambah daripada jumlah pembayaran yang dibuat iaitu terimaan sejumlah RM576.22 juta berbanding bayaran sejumlah RM555.13 juta.

4.8. AKAUN MEMORANDUM

Akaun Memorandum menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbang. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Tanggungan. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan pinjaman boleh tuntut, tunggakan hasil, pelaburan dan lain-lain pelaburan Kerajaan Negeri, manakala Penyata Akaun Memorandum Tanggungan menunjukkan kedudukan hutang awam dalam dan luar negeri.

4.8.1. Pinjaman Boleh Tuntut

Penyata Pinjaman Boleh Tuntut menunjukkan baki pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkusa Tempatan, Syarikat Kerajaan Negeri bagi sesuatu projek atau program dan pinjaman kepada Orang Perseorangan bagi kemudahan pinjaman kenderaan, komputer serta perumahan penjawat awam. Pinjaman Boleh Tuntut berjumlah RM430.43 juta iaitu meningkat sejumlah RM144.05 juta berbanding RM286.38 juta pada tahun 2009. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Tuntut oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.26** manakala senarai Badan Berkanun, Pihak Berkusa Tempatan dan Syarikat Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 4.27**.

Jadual 4.26
Kedudukan Pinjaman Boleh Tuntut Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Peminjam	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Sumber Persekutuan					
1.	Badan Berkanun/Syarikat	154.32	296.12	141.80	91.9
Sumber Negeri					
1.	Pihak Berkuasa Tempatan	2.77	1.17	(1.60)	(58.0)
2.	Badan Berkanun/Syarikat	127.75	131.59	3.84	3.0
	Jumlah Sumber Negeri	130.52	132.76	2.24	1.7
	Jumlah Kecil	284.84	428.88	144.04	50.6
Orang Perseorangan		1.54	1.55	0.01	0.6
	Jumlah	286.38	430.43	144.05	50.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Jadual 4.27
Pinjaman Sumber Persekutuan Dan Sumber Negeri Pada Tahun 2010

Bil.	Peminjam	Baki Pinjaman Tahun 2009 (RM Juta)	Pinjaman Baru/ Penjadualan semula Tahun 2010 (RM Juta)	Bayaran Tahun 2010 (RM Juta)	Baki Pinjaman Tahun 2010 (RM Juta)
A. Sumber Persekutuan					
1.	Syarikat Air Melaka Berhad	56.70	21.58	13.76	64.52
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	97.62	139.42	5.44	231.60
	Jumlah Sumber Persekutuan	154.32	161.00	19.20	296.12
B. Sumber Negeri					
a. Pihak Berkuasa Tempatan					
1.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	0.10	0.00	0.10	0.00
2.	Majlis Bandaraya Bersejarah	1.60	0.00	1.07	0.53
3.	Majlis Perbandaran Jasin	1.07	0.00	0.43	0.64
4.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	0.00	0.63	0.63	0.00
	Jumlah Kecil	2.77	0.63	2.23	1.17
b. Badan Berkanun					
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	2.00	0.00	0.96	1.04
2.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	9.22	0.00	3.63	5.59
3.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	1.49	0.00	0.00	1.49
4.	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	2.99	0.09	0.12	2.96
5.	Perbadanan Stadium Melaka	0.65	0.19	0.00	0.84
6.	Perbadanan Ketua Menteri	0.00	17.58	1.00	16.58
7.	Majlis Agama Islam Melaka	0.00	12.51	0.00	12.51
	Jumlah Kecil	16.35	30.37	5.71	41.01
c. Syarikat Kerajaan Negeri					
1.	Kolej Universiti Teknologi Islam Melaka	44.15	3.32	0.60	46.87
2.	Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Melaka	0.19	0.00	0.01	0.18
3.	Institut Pengurusan Melaka	0.41	0.00	0.05	0.36
4.	Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.	25.39	0.00	22.93	2.46
5.	Kumpulan Melaka Berhad	41.26	0.00	0.55	40.71
	Jumlah Kecil	111.40	3.32	24.14	90.58
	Jumlah Sumber Negeri	130.52	34.32	32.08	132.76
	Jumlah	284.84	195.32	51.28	428.88

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Analisis Audit menunjukkan antara punca utama peningkatan baki Pinjaman Boleh Dituntut disebabkan oleh penjadualan semula pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka berjumlah RM139.42 juta, pinjaman baru kepada Syarikat Air Melaka berjumlah RM21.58 juta, Perbadanan Ketua Menteri berjumlah RM17.58 juta dan Majlis Agama Islam Melaka berjumlah RM12.51 juta.

4.8.1.1. Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri

Bayaran balik pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Agensi Negeri/Syarikat Kerajaan Negeri pada tahun 2010 berjumlah RM32.39 juta. Daripada jumlah ini, RM26.12 juta telah diterima daripada 10 Agensi di mana 2 Agensi telah membuat bayaran balik mengikut jumlah anuiti, 3 Agensi telah membuat bayaran balik melebihi anuiti yang ditetapkan dan 4 Agensi telah membuat bayaran balik kurang daripada jumlah anuiti yang ditetapkan. Kerajaan Negeri juga telah menerima bayaran balik berjumlah RM3.68 juta daripada 2 Agensi yang telah tamat tempoh bayaran balik tetapi masih mempunyai baki tertunggak sementara 3 Agensi telah membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM2.59 juta walaupun masih dalam tempoh pertangguhan. Butiran terperinci bayaran balik pinjaman yang diterima adalah seperti di **Jadual 4.28**.

Jadual 4.28
Kedudukan Bayaran Balik Pinjaman Agensi Negeri/Syarikat Kerajaan Negeri
Pada 31 Disember 2010

Bil.	Peminjam	Anuiti 2010 (RM Juta)	Bayaran Balik Dalam Tahun 2010 (Pokok dan Faedah) (RM Juta)	Tunggakan Ansuran Bayaran Balik Pada 31.12.2010 (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	0.11	0.11	0.00
2.	Institut Pengurusan Melaka	0.06	0.06	0.00
3.	Majlis Perbandaran Jasin	0.35	0.45	0.00
4.	Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.	0.59	22.98	0.47
5.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	0.55	1.07	0.55
6.	Kolej Universiti Teknologi Islam Melaka	0.97	0.67	0.63
7.	Kumpulan Melaka Berhad	4.52	0.60	8.45
8.	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	0.21	0.15	0.13
9.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	0.31	0.03	0.85
10.	Perbadanan Stadium Melaka	0.18	0.00	0.18
11.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	0.00	3.66	5.75
12.	Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Melaka	0.00	0.02	0.18
13.	Perbadanan Ketua Menteri	0.00	1.00	0.00
14.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	0.00	0.96	0.00
15.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	0.00	0.63	0.00
Jumlah		7.85	32.39	17.19

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.8.1.2. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman


Pada akhir tahun 2010 sebanyak 17 Pinjaman Boleh Dituntut daripada 9 Agensi Negeri/Syarikat Kerajaan Negeri menunjukkan tunggakan bayaran balik sejumlah RM17.19 juta. Daripada tunggakan ini sejumlah RM14.91 juta adalah bayaran pokok, manakala sejumlah RM2.28 juta adalah bayaran faedah. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.29** dan **Carta 4.9**.

Jadual 4.29
Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pada 31 Disember 2010

Bil.	Peminjam	Bil. Pinjaman	Pokok (RM Juta)	Faedah (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	1	0.53	0.02	0.55
2.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	2	5.60	0.16	5.76
3.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	2	0.74	0.10	0.84
4.	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	1	0.13	0.00	0.13
5.	Perbadanan Stadium Melaka	1	0.15	0.03	0.18
6.	Kolej Teknologi Islam Melaka	5	0.58	0.05	0.63
7.	Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Melaka	1	0.18	0.00	0.18
8.	Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.	1	0.41	0.06	0.47
9.	Kumpulan Melaka Berhad	3	6.59	1.86	8.45
Jumlah		17	14.91	2.28	17.19

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 4.9
Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.8.1.3. Tempoh Pinjaman Telah Tamat

Pada akhir tahun 2010, terdapat 3 pinjaman masih menunjukkan baki berserta faedah berjumlah RM5.94 juta yang sepatutnya telah dilunaskan pada tahun 2006 dan 2008. Kedudukan 3 pinjaman belum selesai dan Agensi terlibat adalah seperti di **Jadual 4.30**.

Jadual 4.30
Kedudukan Pinjaman Belum Selesai Sehingga Akhir Tahun 2010

Bil.	Pinjaman	Tempoh Bayaran Balik Pinjaman		Jumlah Pinjaman (Pokok) (RM Juta)	Baki Belum Selesai (Pokok dan Faedah) (RM Juta)
		Dari	Hingga		
1.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	30.12.04	30.12.06	1.97	2.13
	i) Bayaran ganti rugi kepada Syarikat Yun Tad (KL) Sdn. Bhd. ii) Membayar Bayaran Balik Pinjaman HRC				
2.	Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Melaka	30.06.05	30.12.08	0.20	0.18
Jumlah				7.17	5.94

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.8.1.4. Trend Baki Pinjaman Boleh Tuntut

Trend baki Pinjaman Boleh Tuntut bagi tempoh tahun 2006 sehingga 2010 menunjukkan peningkatan kecuali pada tahun 2008. Peningkatan Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2010 adalah disebabkan oleh penjadualan semula pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka berjumlah RM139.42 juta dan pinjaman baru kepada Syarikat Air Melaka berjumlah RM21.58 juta. Kedudukan Pinjaman Boleh Tuntut bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.31**.

Jadual 4.31
Kedudukan Baki Pinjaman Boleh Tuntut Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Peminjam	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Sumber Persekutuan						
1.	Badan Berkanun	784.97	813.06	152.46	154.32	296.12
Jumlah Kecil		784.97	813.06	152.46	154.32	296.12
Sumber Negeri						
1.	Pihak Berkuasa Tempatan	5.90	4.92	3.87	2.77	1.17
2.	Badan Berkanun	13.70	12.74	14.70	16.35	41.01
3.	Syarikat Kerajaan Negeri	36.26	65.29	104.47	111.40	90.58
Jumlah Kecil		55.86	82.95	123.04	130.52	132.76
Orang Perseorangan		2.22	1.90	1.75	1.54	1.55
Jumlah		843.05	897.91	277.25	286.38	430.43

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.8.2 Pelaburan

4.8.2.1. Pelaburan yang ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum adalah pelaburan yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan dan kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Kerajaan Negeri terdiri daripada pelaburan saham melalui Perbadanan Ketua Menteri Melaka dan pelaburan harta tanah oleh Tabung Amanah


Melaka berjumlah RM149.84 juta pada tahun 2010 berbanding RM157.94 juta pada tahun 2009 iaitu pengurangan sejumlah RM8.10 juta. Pelaburan Kerajaan Negeri melalui Tabung Amanah Melaka bagi Projek Kg. Tersusun Melaka Pindah berjumlah RM10.05 juta telah dibayar balik oleh Yayasan Melaka pada tahun 2010 manakala terdapat pertambahan modal dalam syarikat Melaka Urban Development Authority Sdn. Bhd. berjumlah RM2 juta. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.32** dan **Carta 4.10**.

Jadual 4.32
Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Pelaburan	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pelaburan Saham Oleh Perbadanan Ketua Menteri						
1.	Melaka Golf Resort	0.80	0.80	0.80	0.80	0.80
2.	Kumpulan Melaka Berhad	16.00	16.00	16.00	16.00	16.00
3.	Melaka Urban Development Authority Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.10	2.10
4.	MITC Bowlplex Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	2.45	2.45
5.	Syarikat Air Melaka Berhad	0.00	0.00	0.00	10.00	10.00
6.	DMDI Finance House Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	5.00	5.00
7.	Planetarium Melaka Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.50	0.35
8.	Melaka Hari Ini Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.00	0.10
9.	Pelaburan Pengurus Dana	9.19	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah Pelaburan Saham		25.99	16.80	16.80	34.85	36.80
Pelaburan Hartanah Tabung Amanah Melaka						
1.	Kompleks Terminal Bas Melaka Sentral	0.00	0.00	43.95	44.00	44.00
2.	Tanah Lot 125,129 dan 300 sebelah Hotel Majestic	0.00	0.00	2.18	2.18	2.18
3.	Tanah Lot 278 & 279 (Hotel Majestic)	0.00	0.00	1.74	1.74	1.74
4.	Bangunan Putra Specialist Hospital, Melaka	0.00	0.00	39.65	39.65	39.65
5.	Bangunan Putra Specialist Hospital, Batu Pahat	0.00	0.00	8.47	8.47	8.47
6.	Menara PERTAM	0.00	0.00	17.00	17.00	17.00
7.	Kg Tersusun Melaka Pindah	0.00	0.00	11.18	10.05	0.00
Jumlah Pelaburan Hartanah		0.00	0.00	124.17	123.09	113.04
Jumlah		25.99	16.80	140.97	157.94	149.84

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 4.10
Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.8.2.2. Jumlah pelaburan saham Kerajaan Negeri yang dinyatakan di Lembaran Imbangan dan Akaun Memorandum menunjukkan trend yang meningkat pada tahun 2006 dan 2009. Analisis pulangan dalam bentuk dividen dari pelaburan dalam syarikat tersiar harga dan tidak tersiar harga yang dipegang melalui Perbadanan Ketua Menteri dan Tabung Amanah Melaka berbanding nilai pelaburan yang dinyatakan di Lembaran Imbangan dan Akaun Memorandum bagi tempoh 5 tahun dari 2006 hingga 2010 menunjukkan kadar pulangan adalah rendah dan tidak memuaskan antara 0.6% hingga 9.9% seperti di **Jadual 4.33** dan **Carta 4.11**.

Jadual 4.33


Pelaburan Saham Dan Dividen Yang Diterima Pada Tahun 2006 Hingga 2010

Tahun	Pelaburan Saham		Jumlah Pelaburan Saham (RM Juta)	Dividen Diterima (RM Juta)	Pulangan Dividen (%)
	Lembaran Imbangan (RM Juta)	Penyata Memorandum (RM Juta)			
2006	51.23	25.99	77.22	0.81	1.1
2007	40.69	16.80	57.49	5.66	9.9
2008	44.21	16.80	61.01	0.39	0.6
2009	49.09	34.85	83.94	5.90	7.0
2010	42.28	36.80	79.08	0.95	1.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 4.11

Analisis Pelaburan Saham Dan Dividen Yang Diterima Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.8.3 Tunggakan Hasil

4.8.3.1. Pada tahun 2010, tunggakan hasil berjumlah RM55.77 juta meningkat sejumlah RM4.29 juta berbanding RM51.48 juta pada tahun 2009. Tunggakan hasil terbesar adalah Cukai Tanah dan Denda Lewat Cukai Tanah yang menyumbang RM49.92 juta dari keseluruhan tunggakan pada tahun 2010. Kedudukan tunggakan hasil pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.34**.

Jadual 4.34


Kedudukan Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Bil.	Jenis Hasil	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	28.14	25.98	(2.16)	(7.7)
2.	Denda Lewat Cukai Tanah	21.82	23.94	2.12	9.7
3.	Sewaan	1.25	5.72	4.47	357.6
4.	Lain-lain Hasil	0.27	0.13	(0.14)	(51.9)
Jumlah		51.48	55.77	4.29	8.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.8.3.2. Analisis tunggakan hasil bagi tempoh 5 tahun dari 2006 hingga 2010 menunjukkan peningkatan tunggakan hasil tertinggi pada tahun 2009 sejumlah RM11.16 juta berbanding tahun 2008. Bagaimanapun tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2010 meningkat sejumlah RM4.29 juta kepada RM55.77 juta seperti di **Carta 4.12**.

Carta 4.12
Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.8.4. Hutang Awam Kerajaan Negeri

Setiap tahun Kerajaan Negeri Melaka menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Pada akhir tahun 2010, baki hutang awam Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM265.54 juta kepada RM853.07 juta berbanding RM587.53


juta tahun 2009. Punca peningkatan Hutang Awam Kerajaan Negeri adalah disebabkan pertambahan pinjaman baru, penjadualan semula pinjaman dan pelbagai projek Kerajaan Negeri berjumlah RM265.54 juta. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.35**. Kedudukan baki Hutang Awam Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Carta 4.13**.

Jadual 4.35
Hutang Awam Kerajaan Negeri Pada Tahun 2010 Berbanding 2009

Pinjaman	Tahun		Peningkatan	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Projek Bekalan Air	99.00	113.40	14.40	14.5
Projek Perumahan Awam Kos Rendah	93.59	93.59	0.00	0.0
Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	107.19	246.61	139.42	130.1
Pelbagai Pinjaman	287.75	399.47	111.72	38.8
Jumlah	587.53	853.07	265.54	45.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 4.13
Kedudukan Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri
Bagi Tahun 2006 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.8.4.1. Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Kerajaan Negeri


Trend baki Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 menunjukkan peningkatan kecuali pada tahun 2008. Kerajaan Negeri tidak membuat bayaran balik hutang awam kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2010. Ini menyebabkan tunggakan bayaran balik hutang awam pada akhir tahun 2010 meningkat RM29.28 juta atau 49.7% kepada RM88.20 juta berbanding RM59.92 juta pada tahun 2009. Kedudukan tunggakan adalah seperti di **Jadual 4.36** dan **Carta 4.14**. Tunggakan tahun 2010 adalah tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.36
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Kerajaan Negeri
Pada tahun 2006 Hingga 2010

Bil.	Pinjaman	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	29.51	63.77	5.17	0.00	0.00
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	4.32	4.80	6.78	12.09	20.23
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	15.10	9.21	10.28	12.02	15.12
4.	Pelbagai	3.14	7.84	22.32	34.81	52.85
Jumlah		52.07	85.62	44.55	58.92	88.20

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

Carta 4.14
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

4.9. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.9.1. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada akhir tahun 2010 adalah memuaskan. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2010 berjumlah RM99.97 juta iaitu mengalami peningkatan sederhana sejumlah RM14.28 juta (16.7%) berbanding tahun 2009. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri memperoleh surplus sejumlah RM2.87 juta. Hasil yang diperolehi pada tahun 2010 adalah berjumlah RM355.90 juta meningkat sejumlah RM58.96 juta daripada tahun 2009. Perbelanjaan mengurus meningkat sejumlah RM60.95 juta menjadi RM353.03 juta. Akaun Kena Bayar turut meningkat sejumlah RM23.35 juta menjadi RM40.41 juta. Selain itu, tunggakan hasil juga telah meningkat sejumlah RM4.29 juta menjadi RM55.77 juta dan hutang awam Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM265.54 juta menjadi RM853.07 juta. Kerajaan Negeri tidak membuat sebarang bayaran balik hutang awam kepada Kerajaan

Persekutuan pada tahun 2010. Jumlah tunggakan bayaran balik hutang awam pada tahun 2010 adalah sejumlah RM88.20 juta.

4.9.2. Kerajaan Negeri perlu mempertingkat dan memperkuuhkan lagi prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung tanggungan semasa. Penetapan *Key Performance Indicator* (KPI) dan operasi syarikat Kerajaan Negeri perlu dipantau dengan tegas untuk memastikan pelaburan Kerajaan Negeri memberi pulangan yang sewajarnya. Kerajaan Negeri juga mengekalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjelaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan pesat ekonomi Negeri Melaka. Selain itu, tindakan yang lebih berkesan perlu diambil untuk memastikan tunggakan pinjaman dibayar oleh agensi negeri mengikut jadual yang ditetapkan.



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III **RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-9

5.1. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) Negeri Melaka untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2006. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Melaka iaitu untuk mencapai pembangunan mampan dengan jaminan bahawa rakyatnya dapat menikmati urus tadbir yang baik, kualiti hidup yang tinggi dan tahap keperkasaan yang tinggi. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Melaka mencapai status negeri maju pada tahun 2010.

5.1.1. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-9 (Tahun 2006 Hingga 2010)

Sepanjang tempoh RMKe-9 sejumlah RM837.78 juta telah diperuntukkan kepada 11 Jabatan untuk projek pembangunan Negeri Melaka. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM763.50 juta atau 91.1% telah dibelanjakan. Analisis Audit menunjukkan 9 Jabatan telah membelanjakan antara 90% hingga 100% manakala 2 Jabatan iaitu Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka dan Jabatan Ketua Menteri telah membelanjakan antara 85% hingga 89% daripada peruntukan RMKe-9. Butirannya adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Peruntukan Dan Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-9
(Tahun 2006 Hingga 2010)

Bil.	Jabatan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Jabatan Kerja Raya	91.38	87.14	95.4
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	30.69	30.21	98.4
3.	Jabatan Pertanian	14.98	13.61	90.9
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	8.53	8.19	96.0
5.	Jabatan Ketua Menteri	137.33	116.94	85.2
6.	Jabatan Pembangunan Negeri	40.72	39.81	97.8
7.	Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	433.94	390.14	89.9
8.	Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah	12.62	12.59	99.8
9.	Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	11.98	11.94	99.7
10.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	8.38	8.37	99.9
11.	Jabatan Agama Islam Melaka	47.23	44.56	94.3
Jumlah		837.78	763.50	91.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka

5.1.2. Pencapaian Pelaksanaan Projek Untuk Tempoh 5 Tahun

Sepanjang tempoh RMKe-9, sebanyak 460 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut 369 projek atau 80.2% telah siap sepenuhnya, manakala 54 projek atau 11.7% sedang dilaksanakan. Sebanyak 37 projek atau 8.1% lagi masih belum dimulakan atau ditangguhkan. Projek-projek tersebut ialah 28 projek Jabatan Kerja Raya


bagi pembinaan jalan/jambatan, 7 projek Jabatan Ketua Menteri Melaka antaranya projek Muzium Belia, Galeri Melaka di Medan, Galeri Melaka di Bangkabelitong dan Balai Cerap, satu projek Jabatan Pengairan dan Saliran iaitu projek Marina Sungai Melaka dan satu projek pembinaan Masjid Baru Kariah Kandang di bawah Jabatan Agama Islam. Antara sebab projek tersebut belum dimulakan atau ditangguhkan kerana kekangan sumber kewangan. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 5.2** dan **Carta 5.1**.

Jadual 5.2
Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe- 9 (Tahun 2006 Hingga 2010)

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bilangan Projek Dirancang	Projek Siap	Projek Sedang Dilaksanakan	Projek Belum Mula/Tangguh
1.	Jabatan Kerja Raya	60	28	4	28
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	49	36	12	1
3.	Jabatan Pertanian	11	0	11	0
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	17	15	2	0
5.	Jabatan Ketua Menteri	100	74	19	7
6.	Jabatan Pembangunan Negeri	3	3	0	0
7.	Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	37	37	0	0
8.	Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah	65	65	0	0
9.	Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	50	50	0	0
10.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	35	35	0	0
11.	Jabatan Agama Islam Melaka	33	26	0	1
Jumlah		460	369	54	37

Sumber: Rekod Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka

Carta 5.1
Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-9
Setakat 31 Disember 2010



Sumber: Rekod Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka

5.2. RUMUSAN

Prestasi pencapaian perbelanjaan RMKe-9 secara keseluruhannya adalah baik kerana daripada sejumlah RM837.78 juta yang diperuntukkan bagi 11 Jabatan, sejumlah RM763.50 juta atau 91.1% telah dibelanjakan. Manakala prestasi pelaksanaan projek secara keseluruhannya juga baik kerana daripada 460 bilangan projek yang dirancang sebanyak 369 projek atau 80.2% telah berjaya disiapkan. Pelaksanaan projek pembangunan yang lancar akan dapat mempertingkatkan lagi taraf hidup rakyat Negeri Melaka.



BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/ AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV **PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN** **JABATAN/AGENSI NEGERI**

6. PENDAHULUAN

6.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

6.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di bawah kriteria pengauditan pematuhan, semakan dibuat untuk menilai sama ada dalam pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

7. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI

Pada tahun 2010, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri serta bagi mengurangkan tunggakan hasil negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

7.1. Untuk memantapkan pengurusan kewangan kepada setiap Jabatan/Agensi. Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan Pejabat Bendahari Negeri telah mengeluarkan Pekeliling-Pekeliling Kewangan bagi menambahbaik pengurusan kewangan dan perakaunan di semua peringkat Jabatan sepanjang tahun 2010. Contohnya: Pekeliling Kewangan dan Perakaunan Bilangan 2 Tahun 2010 – Garis Panduan Pengurusan Pesanan Tempatan Pada Penghujung Tahun Kewangan, Pekeliling Kewangan dan Perakaunan Bilangan 3 Tahun 2010 – Peraturan Penutupan Akaun Tahun Kewangan 2010 dan Pekeliling Kewangan dan Perakaunan Bilangan 4 Tahun 2010 – Tarikh dan Peraturan Pembayaran Gaji Tahun 2011.

7.2. Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan melalui pembayaran cukai tanah di semua Pejabat Pos, BSN, PBT dan kaunter kutipan luar di setiap daerah.

7.3. Memperluaskan perkhidmatan kutipan *online* kepada 6 bank di seluruh negara.

7.4. Kempen perkhidmatan kaunter bersepadu di kaunter kutipan di semua pejabat tanah.

7.5. Pengeluaran notis 6A dan 8A (Rampasan Tanah)/sesi perbincangan dengan Agensi Kerajaan dan syarikat.

7.6. Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan mengikut peraturan dan undang-undang di bawah Akta Kanun Tanah Negara (tindakan Unit Penguatkuasaan Pejabat-pejabat Daerah Dan Tanah) dan memberi insentif bayaran cukai terawal.

8. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

8.1. Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri supaya lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan pencapaian pengurusan kewangan masing-masing, Jabatan Audit Negara telah **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti** sejak tahun 2007. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan oleh Jabatan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit; serta Pengurusan Aset, Inventori dan Stor. Bagi Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri serta Agensi Negeri selain kesemua 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Kawalan Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan turut dinilai. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (*role model*) kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap pencapaian pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89	Baik	
50 – 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

8.2.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.

8.2.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.

8.2.3. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

8.2.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.3. SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN

Pada tahun 2010, pengauditan telah dijalankan di 14 Jabatan/Agenzi Negeri berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap 3 Jabatan/Agenzi Negeri iaitu Jabatan Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri Melaka, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Majlis Agama Islam Melaka. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2010 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agenzi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2010 dan Penyata Kewangan Agenzi Negeri Tahun 2009/2010, bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri secara menyeluruh.

8.4. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 6 Jabatan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, dan Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor. Bagi Pejabat Perpendaharaan Negeri dan 7 Agenzi Negeri selain 6 kawalan di atas, kawalan terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

8.4.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesaan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

8.4.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepermula yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.

- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

8.4.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

8.4.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanannya jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004 menetapkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

c. Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009, Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lain, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

8.4.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang

cemerlang dan mengambil tindakan tata tertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

8.4.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/pencapaian bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

8.4.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Pekeliling Jabatan Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri Melaka Bil. 2 Tahun 2008 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Tahun 2009 dan 2010). Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

8.4.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perpendaharaan Bil. 1 Tahun 2009 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah

tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

8.4.2.4. Pemantauan Kemajuan/Pencapaian Projek

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

8.4.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

8.4.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

8.4.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

8.4.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/ kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

8.4.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

8.4.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

8.4.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan beberapa AP. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

8.4.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

8.4.4.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

8.4.4.2. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

8.4.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

8.4.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

8.4.5.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

8.4.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993.
- d. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990.

8.4.5.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

8.4.6. Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor

Perolehan aset dan inventori perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada

peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

8.4.6.1. Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

8.4.6.2. Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, satu salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan pada Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

8.4.6.3. Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

8.4.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/ penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan

menggunakan borang yang ditetapkan. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.

- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- c. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan/Agenzi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- d. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- e. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- f. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.6.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- b. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual, manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

8.4.6.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrikal dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang memberi kelulusan. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

8.4.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

8.4.7. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan

yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

8.4.8. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

8.4.9. Penyata Kewangan

Kerajaan Negeri Melaka telah mengarahkan supaya Penyata Kewangan Tahunan Agensi Negeri disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Arahan ini adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007, bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Jabatan Kewangan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

8.5. PENEMUAN AUDIT

8.5.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan


Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2010 adalah baik. Daripada 14 Jabatan/Agensi yang diaudit, 2 Jabatan/Agensi mendapat penarafan sangat baik, 10 Jabatan/agensi mendapat tahap baik, satu Agensi mendapat tahap memuaskan manakala satu Agensi lagi mendapat tahap tidak memuaskan. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2007 hingga 2010 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 8.2**, manakala tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2010 adalah seperti di **Carta 8.1**.

Jadual 8.2
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri
Bagi Tahun 2007 Hingga 2010

Tahap Penarafan	Jabatan				Agenzi Negeri			
	2007	2008	2009	2010	2007	2008	2009	2010
Sangat Baik		1	1	1			1	1
Baik	1	4	6	5	2	4	4	5
Memuaskan	1			1	1	1	2	
Tidak Memuaskan								1
Jumlah	2	5	7	7	3	5	7	7

Sumber: Jabatan Audit Negara

Carta 8.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
Jabatan/Agenzi Negeri Pada Tahun 2010




Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

8.5.2.1. Jabatan

Semakan Audit di 6 jabatan mendapati 2 jabatan mencatatkan tahap sangat baik, 3 jabatan memperoleh tahap baik dan satu jabatan memperolehi tahap tidak memuaskan dalam Kawalan Pengurusan. Kawalan Bajet pula sebanyak 3 jabatan memperoleh tahap sangat baik dan 3 jabatan pada tahap baik. Bagi Kawalan Terimaan sebanyak 3 jabatan memperoleh tahap sangat baik, 2 jabatan pada tahap baik dan satu pada tahap memuaskan. Satu jabatan mencapai tahap sangat baik dan 5 jabatan pada tahap baik dalam Kawalan Perbelanjaan. Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit pula 3 jabatan berada pada tahap sangat baik, 2 pada tahap baik dan satu tidak memuaskan. Bagi Pengurusan Aset dan Stor 4 jabatan berada pada tahap baik, satu pada tahap memuaskan manakala satu jabatan pada tahap tidak memuaskan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi jabatan adalah seperti di **Carta 8.2**.

Carta 8.2
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan
Bagi Jabatan Tahun 2010




Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.2.2. Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri

Tahap pencapaian pengurusan kewangan terhadap Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (JKPN) dan 7 Agensi Negeri mendapat 5 daripadanya mencapai tahap sangat baik, satu Agensi pada tahap baik dan 2 Agensi pada tahap tidak memuaskan dalam Kawalan Pengurusan dan Pengurusan Pinjaman. Kawalan Bajet bagi 6 Agensi berada pada tahap sangat baik, JKPN pada tahap baik dan satu Agensi pada tahap tidak memuaskan. Tahap pencapaian sangat baik juga dicapai oleh JKPN dan 3 Agensi, satu pada tahap baik, 2 pada tahap memuaskan manakala satu pada tahap tidak memuaskan dalam Kawalan Terimaan. Bagi Kawalan Perbelanjaan, JKPN dan 3 Agensi mencapai tahap sangat baik, 3 Agensi mencapai tahap baik dan satu pada tahap tidak memuaskan. Empat Agensi mencapai tahap sangat baik bagi 2 kawalan iaitu Pengurusan Pelaburan dan Pengesahan Penyata Kewangan. Bagaimanapun hanya 2 Agensi mencapai tahap sangat baik bagi Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit manakala bagi Pengurusan Aset dan Stor tiada Agensi yang mencapai tahap sangat baik. Maklumat lanjut seperti di **Carta 8.3**.

Carta 8.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Utama
Bagi Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri Tahun 2010




Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

Analisis Audit terhadap 9 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan Indeks Akauntabiliti (AI) sekurang-kurangnya 2 kali atau lebih bagi tempoh 2007 hingga 2010, mendapat tahap prestasi pengurusan kewangan bertambah baik. Secara keseluruhan satu Jabatan dan satu Agensi telah mendapat markah sangat baik bagi tahun 2008 hingga 2010. Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah telah mendapat markah sangat baik bagi tahun 2008 dan 2010. Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka telah menunjukkan kesungguhan untuk mencapai tahap markah sangat baik pada tahun 2010 berbanding pada 3 tahun sebelumnya. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah berjaya mencapai markah tahap baik pada tahun 2010 berbanding tahap memuaskan pada tahun 2007. Bagi 5 Jabatan/Agensi Negeri yang lain, markah pengurusan kewangan didapati bertambah baik kecuali Majlis Agama Islam yang menurun pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Majlis Perbandaran Jasin, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin dan Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Melaka masih berada pada tahap pengurusan kewangan baik. Bagi Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri telah mendapat markah baik bagi tempoh 2008 hingga 2010. Antara sebab Jabatan ini tidak mendapat markah sangat baik kerana Kawalan Bajet, Pengurusan Pelaburan, Pinjaman, Amanah/Kumpulan Wang dan Deposit, Aset Kerajaan dan Pengesahan Penyata Kewangan yang berada pada markah yang baik. Kedudukan trend tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh 2007 hingga 2010 adalah seperti di **Carta 8.4**.

Carta 8.4
Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri Melaka
Bagi Tahun 2007 Hingga 2010



Sumber : Jabatan Audit Negara

8.6. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agenzi Negeri bagi tahun 2010 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agenzi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

8.6.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

8.6.2. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di PTJ-PTJ yang lain untuk memastikan kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

8.6.3. Penglibatan/penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan dan perlu terlibat secara *hands-on* dalam pengurusan kewangan.

8.6.4. Tindakan surcaj/tata tertib terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur patut diambil terhadap pegawai-pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

8.6.5. Latihan perlu diberi secara berterusan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

9. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

9.1. PENDAHULUAN

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang bertanggungjawab telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan mengejut di 13 Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri seperti di **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1
Jabatan/Agensi Yang Telah Dijalankan
Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2010

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi
1.	Majlis Agama Islam Melaka
2.	Pejabat Pertanian Daerah Jasin
3.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Jasin
4.	Pejabat Tanah Dan Galian Melaka
5.	Pejabat Agama Daerah Alor Gajah
6.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Alor Gajah
7.	Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah
8.	Perbadanan Bioteknologi Melaka
9.	Yayasan Melaka
10.	Perbadanan Muzium Melaka
11.	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka
12.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
13.	Majlis Perbandaran Jasin

Sumber: Jabatan Audit Negara

9.2. PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada pengauditan yang dijalankan ke atas 13 Jabatan/Agensi secara keseluruhannya menunjukkan perkara yang perlu diberikan perhatian adalah seperti di **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2
Isu Audit Hasil Pemeriksaan Audit Mengejut Bagi Tahun 2010

Bil.	Isu Audit	Jabatan/Pejabat/Agensi Yang Terlibat
1.	Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan, tidak menyeluruh dan tidak teratur mengikut peraturan.	i) Pejabat Tanah Dan Galian Melaka ii) Pejabat Agama Daerah Alor Gajah iii) Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah iv) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Jasin v) Majlis Agama Islam Melaka vi) Yayasan Melaka vii) Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka viii) Perbadanan Bioteknologi Melaka ix) Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
2.	Buku Panjar wang runcit tidak dikemaskinikan, baki wang dalam tangan tidak disesuaikan, rekupmen dibuat melebihi had panjar yang diluluskan, dan sijil Pengesahan Panjar pada akhir tahun tidak disediakan.	i) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Jasin ii) Pejabat Agama Daerah Alor Gajah iii) Perbadanan Bioteknologi Melaka iv) Yayasan Melaka v) Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka vi) Perbadanan Muzium Melaka vii) Majlis Agama Islam Negeri Melaka
3.	Surat Penurunan kuasa tidak diberikan kepada pegawai yang ditugaskan untuk mengurus dan menerima wang awam.	i) Pejabat Agama Daerah Alor Gajah ii) Perbadanan Muzium Melaka
4.	Peti besi tidak diurus mengikut peraturan dan nombor kombinasi tidak pernah ditukar.	i) Perbadanan Muzium Melaka ii) Mahkamah Rendah Syariah Daerah Alor Gajah iii) Pejabat Agama Daerah Alor Gajah
5.	Pindaan dibuat pada baucar wang runcit dibuat menggunakan pensil dan tiada tandatangan Ketua Jabatan atau Pegawai Penyelia sebagai bukti pengesahan terhadap pembatalan berkenaan.	i) Perbadanan Bioteknologi Melaka
6.	Keratan tiket tidak ditarikhkan bagi memastikan jumlah sebenar kutipan harian yang telah dibuat dan sebahagian kutipan berkenaan pula disimpan untuk dijadikan sebagai wang tukar keesokan harinya.	i) Perbadanan Muzium Melaka
7.	Buku tunai tidak dikemas kini, tiada semakan harian, kutipan tidak dibankkan mengikut tempoh yang ditetapkan dan resit lewat dikeluarkan.	i) Pejabat Agama Daerah Alor Gajah ii) Perbadanan Muzium Melaka

Sumber: Jabatan Audit Negara



BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

10. PENDAHULUAN

Menurut Seksyen 5 Akta Audit 1957 (Pindaan 1978), Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan ini dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan Piawaian yang diluluskan.

10.1. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri bagi memastikan segala akaun serta rekod kewangan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pada tahun 2010 terdapat pertambahan Pihak Berkuasa Tempatan yang baru ditubuhkan pada 1 Januari 2010 iaitu Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya menjadikan keseluruhan agensi di Negeri Melaka berjumlah 16 iaitu 4 Pihak Berkuasa Tempatan, 11 Badan Berkanun Negeri dan satu Majlis Agama Islam. Penyata kewangan bagi kesemua Agensi tersebut diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara kecuali bagi akaun Majlis Agama Islam yang diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta adalah di bawah kuasa Ketua Audit Negara selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957. Kerja pengauditan yang dilaksanakan oleh firma audit swasta sentiasa dipantau oleh Jabatan Audit Negara melalui penyediaan Memorandum Perancangan Audit, borang semakan dan laporan pengurusan. Lawatan dan perbincangan turut diadakan di antara pihak firma audit swasta dengan pegawai Jabatan Audit Negara.

10.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

10.2.1. Penyerahan Penyata Kewangan bagi 11 Badan Berkanun Negeri adalah tertakluk di bawah Enakmen yang ditetapkan manakala bagi Majlis Agama Islam Melaka pula, termaktub di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) Tahun 2002. Pada akhir bulan Mac 2009, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran kepada semua Jabatan/Agensi Negeri supaya mengemukakan Penyata Kewangan sebelum 30 April tahun berikutnya. Sehingga 31 Mei 2011, 8 Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Melaka telah menyerahkan Penyata Kewangan tahun 2010 di mana penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka telah selesai diaudit. Bagi Penyata Kewangan tahun 2009, 10 daripada 11 Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam telah diserahkan dan selesai diaudit pada tahun 2010 kecuali bagi Perbadanan Stadium Melaka yang diselesaikan pada 18 Januari 2011.

10.2.2. Penyerahan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan adalah tertakluk di bawah Seksyen 60(1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Sehingga 31 Mei 2011,

Penyata Kewangan tahun 2010 bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan telah diterima. Sementara itu, Penyata Kewangan tahun 2009 bagi 3 Pihak Berkuasa Tempatan telah diserahkan dan selesai diaudit pada tahun 2010. Kedudukan penyerahan dan pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam pada 31 Mei 2011 adalah seperti di **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1
Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan
Penyata Kewangan Agensi Negeri Pada 31 Mei 2011

Bil.	Agensi	Penyata Kewangan (Tahun)		
		Telah Disahkan	Sedang Diaudit	Belum Diserah
Badan Berkanun Negeri				
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	2010		
2.	Yayasan Melaka	2009	2010	
3.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	2009	2010	
4.	Perbadanan Muzium Melaka	2009	2010	
5.	Perbadanan Hang Tuah Jaya	2009	2010	
6.	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	2009	2010	
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	2009	2010	
8.	Perbadanan Stadium Melaka	2009		2010
9.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	2009		2010
10.	Majlis Sukan Negeri Melaka	2009	2010	
11.	Lembaga Perumahan Melaka	2009		2010
Majlis Agama Islam				
1.	Majlis Agama Islam Melaka	2009	2010	
Pihak Berkuasa Tempatan				
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	2009	2010	
2.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	2009	2010	
3.	Majlis Perbandaran Jasin	2009	2010	
4.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	-	2010	

Sumber : Jabatan Audit Negara

10.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

10.3.1. Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dijalankan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pendapat yang dikeluarkan terhadap Penyata Kewangan dijelaskan melalui persijilan iaitu sama ada Sijil Tanpa Teguran, Berteguran, Bertentangan atau Penafian. Secara keseluruhannya, pengesahan dan pematuhan Penyata Kewangan tahun 2009 bagi Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam adalah memuaskan berbanding Penyata Kewangan tahun 2008 kerana hanya 3 Sijil Berteguran berbanding 5 telah dikeluarkan kepada Agensi. Jenis sijil yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara bagi pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Jenis Sijil Audit Yang Dikeluarkan Bagi Penyata Kewangan Agensi Negeri
Pada Tahun 2009 Berbanding 2008

Bil.	Agensi	Jenis Sijil (Tahun Kewangan)	
		2008	2009
Badan Berkanun Negeri			
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
2.	Perbadanan Muzium Melaka	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
3.	Perbadanan Hang Tuah Jaya	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
4.	Lembaga Perumahan Melaka	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
5.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
6.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
7.	Majlis Sukan Negeri	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
8.	Yayasan Melaka	Berteguran	Tanpa Teguran
9.	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	Berteguran	Tanpa Teguran
10.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	Berteguran	Tanpa Teguran
11.	Perbadanan Stadium Melaka	Berteguran	Berteguran
Majlis Agama Islam			
1.	Majlis Agama Islam Melaka	Berteguran	Berteguran
Pihak Berkuasa Tempatan			
1.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
2.	Majlis Perbandaran Jasin	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
3.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Tanpa Teguran	Berteguran

Sumber: Jabatan Audit Negara

10.3.2. Sijil Berteguran telah dikeluarkan kepada Agensi kerana kesilapan perakaunan aset tetap, peruntukan hutang ragu dan rosot nilai pelaburan tidak dikenakan, tanggungan luar jangka yang tidak dinyatakan pada Nota Kepada Akaun dan caruman bantuan kadar terkurang dinyatakan.

10.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Penyata Kewangan Agensi Negeri hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Penyata Kewangan bagi 10 Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan 3 Pihak Berkuasa Tempatan perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Melaka manakala Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri tidak perlu dibentang. Sehingga 31 Mei 2011, Penyata Kewangan tahun 2009 bagi 7 Badan Berkanun Negeri dan 3 Pihak Berkuasa Tempatan telah dibentangkan semasa persidangan Dewan Undangan Negeri pada bulan Julai 2010, November 2010 dan Mac 2011 manakala Penyata Kewangan bagi 3 Agensi lagi masih belum dibentangkan. Kedudukan pembentangan Penyata Kewangan Agensi di Dewan Undangan Negeri adalah seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3
Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan
Di Dewan Undangan Negeri Pada 31 Mei 2011

Bil	Nama Agensi	Tahun Penyata Kewangan	
		Telah Bentang	Belum Bentang
Badan Berkanun Negeri			
1.	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	2009	
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	2009	
3.	Yayasan Melaka	2009	
4.	Perbadanan Hang Tuah Jaya	2009	
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	2009	
6.	Perbadanan Muzium Melaka	2009	
7.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	2009	
8.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	2009	
9.	Perbadanan Stadium Melaka		2008 & 2009
10.	Lembaga Perumahan Melaka		2007, 2008 & 2009
Majlis Agama Islam			
1.	Majlis Agama Islam Melaka	2008	2009
Pihak Berkuasa Tempatan			
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	2009	
2.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	2009	
3.	Majlis Perbandaran Jasin	2009	

Sumber: Jabatan Audit Negara

10.5. PRESTASI KEWANGAN

10.5.1. Kedudukan Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam

Analisis Audit terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 mendapati 7 Agensi termasuk Majlis Agama Islam Melaka memperoleh surplus antara RM0.01 juta hingga RM11.86 juta, manakala 4 Agensi lain mengalami defisit antara RM0.33 juta hingga RM1.62 juta. Analisis selanjutnya didapati aset semasa bersih bagi 6 Agensi termasuk Majlis Agama Islam Melaka menunjukkan baki surplus antara RM0.06 juta hingga RM193.34 juta, manakala 6 Agensi memperoleh baki defisit di antara RM0.12 juta hingga RM7.15 juta. Kedudukan terperinci mengenai prestasi kewangan Agensi yang terlibat adalah seperti di **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009

Bil.	Nama Agensi	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31.12.2009			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2009		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/ (Defisit)	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset Semasa Bersih
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	42.50	30.64	11.86	338.79	145.45	193.34
2.	Yayasan Melaka	22.94	16.47	6.47	118.48	108.20	10.28
3.	Majlis Agama Islam Melaka	40.57	38.46	2.11	24.74	5.10	19.64
4.	Perbadanan Muzium Melaka	7.32	6.80	0.52	0.42	1.15	(0.73)
5.	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	5.33	4.96	0.37	1.66	0.47	1.19
6.	Perbadanan Hang Tuah Jaya	1.19	1.16	0.03	0.11	0.05	0.06
7.	Majlis Sukan Negeri	2.99	2.98	0.01	0.87	0.73	0.14
8.	Lembaga Perumahan Melaka	7.49	7.49	-	-	-	-
9.	Perbadanan Stadium Melaka	2.97	3.30	(0.33)	1.06	1.32	(0.26)
10.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	6.71	7.07	(0.36)	0.68	0.80	(0.12)
11.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	1.36	2.25	(0.89)	8.32	15.47	(7.15)
12.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	2.19	3.81	(1.62)	0.62	1.02	(0.40)
Jumlah		143.56	125.39	18.17	495.75	279.76	215.99

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2009

10.5.2. Kedudukan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

Analisis Audit terhadap Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 mendapati Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah memperolehi surplus tertinggi sejumlah RM8.16 juta. Majlis Perbandaran Alor Gajah pula memperolehi lebihan pendapatan berjumlah RM0.20 juta manakala Majlis Perbandaran Jasin menunjukkan kurangan pendapatan berjumlah RM0.05 juta. Semakan Audit selanjutnya mendapati aset semasa bersih bagi Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Jasin masing-masing menunjukkan baki defisit aset semasa bersih masing-masing berjumlah RM19.19 juta, RM1.69 juta dan RM2.22 juta. Kedudukan terperinci mengenai prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5
Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009

Bil.	Nama Agensi	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31.12.2009			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2009		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/ (Defisit)	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset Semasa Bersih
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	165.47	157.31	8.16	63.21	82.40	(19.19)
2.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	29.96	29.76	0.20	18.30	19.99	(1.69)
3.	Majlis Perbandaran Jasin	20.57	20.62	(0.05)	7.63	9.85	(2.22)
Jumlah		216.00	207.69	8.31	89.14	112.24	(23.10)

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2009

10.5.3. Analisis Tuggakan Cukai Taksiran

Mengikut Penyata Kewangan bagi 3 Pihak Berkuasa Tempatan, tuggakan cukai taksiran sehingga akhir tahun 2009 berjumlah RM51.54 juta. Analisis terhadap tuggakan cukai taksiran mendapati Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah menunjukkan peningkatan tuggakan cukai taksiran tertinggi sejumlah RM0.26 juta daripada RM42.38 juta tahun 2008 kepada RM42.64 juta pada tahun 2009 manakala tuggakan bagi Majlis Perbandaran Alor Gajah menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.63 juta daripada RM5.65 juta pada tahun 2008 kepada RM6.28 juta pada tahun 2009. Tuggakan cukai taksiran bagi Majlis Perbandaran Jasin juga meningkat sejumlah RM0.56 juta daripada RM2.06 juta pada tahun 2008 meningkat kepada RM2.62 juta pada tahun 2009. Kedudukan terperinci tuggakan cukai taksiran adalah seperti di **Jadual 10.6**.

Jadual 10.6
Tuggakan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	35.93	38.66	39.33	42.38	42.64
2.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	4.93	4.91	5.97	5.65	6.28
3.	Majlis Perbandaran Jasin	2.33	2.30	1.99	2.06	2.62
Jumlah		43.19	45.87	47.29	50.09	51.54

Sumber : Penyata Kewangan Agensi

10.5.4. Analisis Kutipan Cukai Taksiran

Berdasarkan Penyata Kewangan bagi 3 Pihak Berkuasa Tempatan, kutipan cukai taksiran bagi tahun 2009 berjumlah RM105.27 juta. Analisis terhadap kutipan cukai taksiran mendapati Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah menunjukkan peningkatan kutipan cukai taksiran tertinggi daripada tahun 2008 ke tahun 2009 sejumlah RM3.84 juta berbanding peningkatan kutipan cukai taksiran bagi Majlis Perbandaran Alor Gajah sejumlah RM0.43 juta. Manakala bagi Majlis Perbandaran Jasin peningkatan cukai taksiran daripada tahun 2008 ke tahun 2009 sejumlah RM0.29 juta. Secara keseluruhannya kutipan cukai taksiran

meningkat setiap tahun bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2005 hingga 2009. Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan bilangan harta dan pegangan baru di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan kesedaran orang awam untuk membayar cukai. Kedudukan terperinci kutipan cukai taksiran adalah seperti di **Jadual 10.7**.

Jadual 10.7
Kutipan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan
Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	72.83	73.99	78.50	84.18	88.02
2.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	9.76	10.43	11.53	12.34	12.77
3.	Majlis Perbandaran Jasin	3.41	3.69	3.91	4.19	4.48
Jumlah		86.00	88.11	93.94	100.71	105.27

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

10.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pensijilan penyata kewangan bagi 11 Badan Berkanun Negeri, 3 Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam adalah baik kerana kesemua Penyata Kewangan Tahun 2009 telah disahkan dengan 12 Sijil Tanpa Teguran dikeluarkan. Manakala kedudukan penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2010 adalah baik kerana 8 daripada 11 Badan Berkanun Negeri dan semua Pihak Berkuasa Tempatan serta Majlis Agama Islam telah menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2010 kepada Ketua Audit Negara sehingga 31 Mei 2011. Pembentangan penyata kewangan, prestasi kewangan semasa dan tunggakan cukai taksiran juga adalah kurang memuaskan. Bagi tujuan penambahbaikan terhadap perkara yang dibangkitkan, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam disyorkan untuk mengambil langkah seperti berikut:

10.6.1. Penyata Kewangan yang telah disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri mengikut Akta dan Enakmen yang ditetapkan;

10.6.2. Agensi yang mengalami defisit dan kekurangan aset semasa bersih perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung liabiliti semasa; dan

10.6.3. Pihak Berkuasa Tempatan perlu memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti mengambil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang.



BAHAGIAN VI

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BAHAGIAN VI
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

11. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan Melaka Tahun 2009 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri pada 1 November 2010.

12. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Melaka telah bermesyuarat sebanyak 9 kali pada tahun 2010 untuk membincangkan isu aktiviti Jabatan/Agensi dan pengurusan Syarikat yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008. Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri mengenai Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 8 Mac 2011. Pada 27 hingga 30 April 2011, Ahli Jawatankuasa telah menghadiri satu persidangan di Perth, Australia bertujuan memberi pendedahan terhadap isu-isu Audit di peringkat Komanwel. Sehingga 30 April 2011, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak sekali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2009.



PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah bertambah baik. Begitu juga tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi pada tahun 2010 telah menunjukkan prestasi lebih baik berbanding tahun 2009 kerana Jabatan/Agensi telah memberi fokus yang lebih sejak pelaksanaan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun 2007. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalam malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara '*hands on*' dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance, frequent monitoring and audit spot checks*, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
20 Jun 2011



LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada 31 Disember 2010; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ambrin".

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

20 Jun 2011



Lampiran II

Lembaran Imbangan
seperti pada 31 Disember 2010

Penyata	Nota	2010 RM	2009 RM
WANG AWAM			
A WANGTUNAI		53,793,753.13	32,700,936.26
B PELABURAN		46,183,665.52	52,993,178.02
		<u>99,977,418.65</u>	<u>85,694,114.28</u>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULANWANG DISATUKAN			
C AKAUN HASIL DISATUKAN		3,171,815.77	299,995.30
D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN		0.00	0.00
E AKAUN AMANAH DISATUKAN		96,805,602.88	85,394,118.98
		<u>99,977,418.65</u>	<u>85,694,114.28</u>

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan

(DATUK HJ. NAIM BIN ABU BAKAR)
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

(SADIQIN BIN ATAN)
BENDAHARI NEGERI

24 MAC 2011

Lampiran III

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai seperti pada 31 Disember 2010

TERIMAAN	2010		2009	
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Hasil				
Hasil Cukai	76,612,099.83		79,236,239.88	
Hasil Bukai Cukai	162,634,053.49		119,901,859.50	
Terimaan Bukan Hasil	<u>116,663,209.90</u>	355,909,363.22	97,801,961.53	296,940,060.91
Pinjaman				
Pinjaman Dalam Negeri	102,046,221.00		150,524,086.80	
Pinjaman Luar Negeri	0.00	102,046,221.00	0.00	150,524,086.80
Terimaan Modal				
Terimaan Balik Pinjaman	0.00			
Pelbagai Terimaan Modal	25,751,153.11		27,674,035.15	
Jualan Instrumen Kewangan	6,809,512.50	32,560,665.61	0.00	27,674,035.15
Terimaan Lain				
Terimaan Amanah	85,703,154.34	85,703,154.34	9,033,551.17	9,033,551.17
Jumlah Terimaan		<u>576,219,404.17</u>		<u>484,171,734.03</u>
BAYARAN				
Perbelanjaan Mengurus				
Emolumen	(75,297,196.80)		(70,493,113.33)	
Perkhidmatan dan Bekalan	(101,745,346.84)		(91,406,048.29)	
Aset	(3,067,517.38)		(3,833,728.46)	
Pemberian dan Kenaan Tetap	(166,685,692.26)		(120,909,065.86)	
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	(3,818,614.47)	(350,614,367.75)	(5,440,574.62)	(292,082,530.56)
Perbelanjaan Pembangunan				
Langsung	(97,911,083.61)		(70,097,320.94)	
Pinjaman	(98,996,004.94)	(196,907,088.55)	(118,951,210.43)	(189,048,531.37)
Perbelanjaan Modal				
Pelbagai Perbelanjaan Modal	0.00	0.00	0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan	0.00	0.00	(1,699,250.60)	(1,699,250.60)
Bayaran Balik Pinjaman				
Pinjaman Dalam Negeri	0.00		(1,802,005.80)	
Pinjaman Luar Agensi	(7,605,131.00)	(7,605,131.00)	-	(1,802,005.80)
Jumlah Bayaran		<u>(555,126,587.30)</u>		<u>(484,632,318.33)</u>
Tambahan/(Kurangan) Wangtunai		21,092,816.87		2,184,711.73
Wangtunai pada 31 Disember 2009		<u>32,700,936.26</u>		<u>30,516,224.53</u>
JUMLAH WANGTUNAI PADA 31.12.2010		<u>53,793,753.13</u>		<u>32,700,936.26</u>

Penyata Akaun Memorandum

seperti pada 31 Disember 2010

Penyata	Nota	2010 RM	2009 RM
F ASET			
I PINJAMAN BOLEH TUNTUT		430,445,714.83	286,378,465.74
II. PELABURAN		149,842,879.39	157,939,019.12
III. AKAUN BELUM TERIMA		55,770,805.02	51,481,281.66
G TANGGUNGAN			
I. HUTANG AWAM		853,073,715.10	587,533,173.08

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan

(DATUK HJ. NAIM BIN ABU BAKAR)
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

(SADIKIN BIN ATION)
BENDAHARI NEGERI

24 MAC 2011

**C Penyata Akaun Hasil Disatukan
seperti tahun berakhir 31 Disember 2010**

Perihal	2010			2009	
	Belanjawan RM	Sebenar RM	Belanjawan %	Sebenar RM	Belanjawan %
BAKI PADA 1 JANUARI		299,995.30		(4,557,535.05)	
I HASIL					
Hasil Cukai	101,394,100.00	76,612,099.83	75.56	79,236,239.88	79.86
Hasil Bukan Cukai	111,225,485.00	162,634,053.49	146.22	119,901,859.50	112.61
Terimaan Bukan Hasil	162,635,149.00	116,663,209.90	71.73	97,801,961.53	91.63
Jumlah Hasil	375,254,734.00	355,909,363.22	94.84	296,940,060.91	95.04
II PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	76,732,206.00	75,297,196.80	96.74	70,493,113.33	96.74
Perkhidmatan dan Bekalan	104,305,441.69	101,745,346.84	94.22	91,406,048.29	94.22
Aset	3,121,506.00	3,067,517.38	95.27	3,833,728.46	95.27
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	216,674,475.31	169,108,867.26	78.05	120,909,065.86	76.04
Perbelanjaan Lain	4,000,815.00	3,818,614.47	95.45	5,440,574.62	98.81
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	404,834,444.00	353,037,542.75	87.21	292,082,530.56	87.40
Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun (I-II)	(29,579,710.00)	2,871,820.47		4,857,530.35	
BAKI PADA 31 DISEMBER		3,171,815.77		299,995.30	

Butir Lanjut: Penyata C1 dan C2

**Nota Kepada Penyata Akaun Awam
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersama dengannya)

A.	DASAR PERAKAUNAN KERAJAAN NEGERI	Negeri adalah berdasarkan 2 konsep seperti di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:
1.	Kerajaan Negeri Sebagai Entiti Perakaunan.	(i) Konsep Kumpulanwang Negeri Disatukan yang berpunca daripada keperluan bahawa segala hasil dan wang yang didapatkan atau diterima kecuali zakat, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam seumpamanya dimasukkan serta menjadi satu Kumpulanwang yang dinamakan Kumpulanwang Disatukan bagi Negeri itu (Fasal 97(2)).
2.	Persembahan Penyata Kewangan.	(ii) Konsep bahawa tiada wang kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Negeri Disatukan melainkan diperuntukan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Fasal 104).
3.	Dasar Perakaunan.	b) Mulai tahun 2009 kaedah perakaunan untuk perkara-perkara berikut telah diselaraskan dimana:-
4.	Asas Perakaunan.	(i) Semua terimaan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan dipindahkan ke terimaan Kumpulanwang Pembangunan dalam tahun yang sama.
5.	Kaedah Perakaunan.	(ii) Caruman dari Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulanwang Pembangunan hanya akan dibuat pada

**Nota Kepada Penyata Akaun Awam
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersama dengannya)

penghujung tempoh perakunan
dan tertakluk kepada lebihan
baki Akaun Hasil Disatukan.

6. Tahun Kewangan.

Tahun Kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Akta Prosedur Kewangan 1957 Seksyen 3 adalah suatu tempoh 12 bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

B. LEMBARAN IMBANGAN

1. Wangtunai – Penyata A

- (a) Wangtunai adalah terdiri daripada Wangtunai Dalam Tangan, Wangtunai Dalam Perjalanan dan Wangtunai Dalam Bank.
- (b) Baki Wangtunai Dalam Bank menunjukkan kedudukan baki buku tunai setelah membuat penyesuaian perbezaan baki antara buku tunai dan baki bank sebagaimana yang dilaporkan dalam Penyata Penyesuaian Bank sehingga 31 Disember 2010.

2. Pelaburan – Penyata B

Pelaburan yang dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan adalah pelaburan yang dibuat dari Kumpulanwang Amanah selaras dengan Ikatan Amanah Sek. 9 & 10 Akta Prosedur Kew. 1957.

3. Akaun Hasil – Penyata C

- (a) **Akaun Hasil– Penyata C1**
Kutipan hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Prestasi kutipan hasil berbanding

dengan bajet ditunjukkan dalam bentuk peratusan.

(b) Perbelanjaan Mengurus – Penyata C2

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti berikut:

- (i) Emolumen, barang-barang dan perkhidmatan;
- (ii) Pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan dan Kumpulanwang Pinjaman Perumahan.

4. Akaun Pinjaman Disatukan – Penyata D

Pinjaman yang diterima dari Kerajaan Persekutuan dan dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan.

5. Akaun Amanah Disatukan –Penyata E

(a) Kumpulanwang Pembangunan penyata E1a.

Terimaan bagi Kumpulanwang ini adalah terdiri daripada pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulanwang ini.

Kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk tujuan tertentu mengikut Akta Kumpulanwang Pembangunan.

(b) Kumpulanwang Amanah Kerajaan – Penyata E1c.

Nota Kepada Penyata Akaun Awam Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersama dengannya)

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Akta Prosedur Kewangan 1957 Seksyen 10 bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebahagian daripada kumpulanwang ini bercorak kumpulanwang pusingan. Sumbangan kewangan Kumpulanwang ini adalah peruntukan daripada Kerajaan Negeri.

(i) Kumpulan Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan-Badan Lain.

Baki Kumpulanwang kepada Badan Berkanun tidak termasuk bayaran balik pinjaman secara kontra oleh agensi bagi projek tahun 2002 berjumlah RM7,514,292.61 berbaki RM4,014,292.61 manakala tahun 2003 berjumlah RM1,227,303.00 dan sehingga tahun 2006 berjumlah RM2,611,819.89.

Sejumlah RM 57.0 juta pinjaman belanja mengurus telah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Amanah SUKMA. Rekod pinjaman ini diselenggara secara manual oleh Unit Pinjaman.

(c) Kumpulanwang Amanah Awam - Penyata E2.

Kumpulanwang Amanah Awam adalah terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Khas yang ditubuhkan di bawah Akta yang berkaitan dan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Akta Prosedur Kewangan 1957 Seksyen 9 dan Seksyen 10. Kumpulanwang ini mengakaunkan terimaan dari Kerajaan Persekutuan dan orang awam yang diamanahkan kepada

Kerajaan Negeri untuk tujuan tertentu.

(d) Akaun Deposit – Penyata E3

Akaun Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau perjanjian.

C. PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI.

Penyata ini menunjukkan semua terimaan terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman, terimaan modal dan lain-lain terimaan. Bayaran wang tunai pula terdiri daripada bayaran semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan, bayaran balik pinjaman dan lain-lain bayaran.

Pada tahun 2010, penyata ini dijana secara automasi di sistem SPEKS. Format automasi ini telah menyebabkan perbezaan angka perbandingan bagi sesetengah item yang dinyatakan.

D. PENYATA AKAUN MEMORANDUM.

Penyata ini menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan yang boleh dilunaskan pada masa hadapan yang tidak ditunjukkan di dalam Lembaran Imbangian.

1. Akaun Memorandum Aset – Penyata F.

(a) Pinjaman Boleh Dituntut – Penyata F1

Akaun ini menunjukkan baki hutang Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkusa Tempatan Negeri dengan Kerajaan Negeri yang mana pinjaman tersebut dibiayai oleh Sumber Negeri dan Sumber Persekutuan. Penyata ini juga menunjukkan jumlah baki

**Nota Kepada Penyata Akaun Awam
Baki Tahun Berakhir 31 Disember 2010**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersama dengannya)

- perseorangan pinjaman kenderaan, komputer dan perumahan.
- (i) Sejumlah RM8,914,250.84 bagi tahun 2005 manakala RM13,364,526.00 di tahun 2006 adalah bayaran pinjaman secara kontra yang telah diambilkira dalam Penyata F1(b) tetapi belum diambilkira dalam Kumpulanwang Disatukan.
- (ii) Pada 17hb. Disember 2008 sejumlah RM770,328,815.15 pinjaman Bekalan Air telah diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) setelah perjanjian dimenterai dengan Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB). Walaubagaimanapun sebanyak RM8,419,649.65 telah terkurang diambilkira oleh SAMB yangmana mengikut rekod Kerajaan Negeri jumlah hutang SAMB adalah RM778,748,464.80
- (b) **Pelaburan – Penyata F2**
Pelaburan yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan dan Kumpulanwang Amanah tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan tetapi dilaporkan dalam Penyata Memorandum.
- (c) **Penyata Akaun Belum Terima – Penyata F3**
Hasil yang sepatutnya dipungut oleh pejabat pemungut tetapi tidak dapat dikutip sehingga akhir Tahun Kewangan 2010.
- 2. Akaun Memorandum Tanggungan – Penyata G.**
- (a) **Hutang Awam – Penyata G1**
Penyata hutang ini menunjukkan baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Ini termasuklah jumlah pinjaman yang diterima untuk dipinjamkan balik kepada Penguasa-Penguasa Tempatan dan Badan-Badan Berkunun serta untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan projek Perumahan Awam Kos Rendah. Baki belum selesai pada tahun 2010 ialah RM88,102,884.24.

Sejumlah RM26,263,624.00 juga merupakan pendahuluan yang diterima dari Kerajaan Persekutuan . Akaun ini berbaki RM 24,963,624.00 pada 31 Disember 2010.



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5

Persiaran Perdana, Presint 2

62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my